


Jilid I
Bil. 37



Hari Khamis
3hb April, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3909]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3960]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 3960]

Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan 3967]

Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) [Ruangan 3998]

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 4009]

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) [Ruangan 4012]

Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan 4014]

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN:

Bas dari Siam Menjalankan Perusahaan di Malaysia [Ruangan 4017]

Perusahaan Filem Tempatan [Ruangan 4020]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 3hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perkhidmatan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M.
(Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,**
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.**
(Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.
(Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL,
D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E.
(Marudu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN**
DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempe-
ngerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BANK PERDAGANGAN—PINJAMAN

1. **Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menggesa bank-bank perniagaan di Sarawak supaya lebih bertimbangrasi dalam memberi pinjaman-pinjaman kepada petani-petani untuk membangunan dan membesarkan usaha-usaha pertanian mereka terutama petani-petani Bumiputra yang miskin. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan supaya pinjaman-pinjaman sedemikian sentiasa ada dengan kadar faedah yang lebih rendah yang mana pada masa ini ialah 9% setahun dikenakan oleh setengah-setengah bank di bawah Sekim Jaminan Kredit di Sarawak.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bank-bank perdagangan di Malaysia telah diseru menambahkan lagi pinjaman kepada sektor pertanian, satu daripada sektor utama yang mustahak bagi kemajuan program pembangunan kita dan upadaya kita untuk mengeluarkan cukup makanan untuk diri sendiri. Penubuhan Perbadanan Jaminan Kredit untuk menjamin berbagai jenis pinjaman pembangunan, termasuk pinjaman penanaman padi, adalah satu langkah yang telah diambil untuk menjayakan pinjaman jenis ini. Bank Negara Malaysia sentiasa mengawasi kemajuan bank-bank untuk menambah pinjaman mereka kepada sektor pertanian, samada di Sarawak atau di lain-lain negeri di Malaysia.

SYILING MALAYSIA—
KEKURANGAN

2. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar akan sungutan orangramai berhubung dengan kekurangan “wang syiling Malaysia” sekarang dan terdapat pula begitu

banyak “syiling Singapura” di Malaysia. Jika sedar apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang sungutan orangramai berhubung dengan kekurangan wang syiling Malaysia, tetapi kekurangan itu dijangka tidak akan berlaku lagi sekarang. Saya telah menerangkan perkara ini dalam jawapan saya di Dewan ini pada 1hb April, 1975.

Jumlah wang syiling Singapura di Malaysia tidak boleh dikatakan berlebihan, kerana wang syiling ini hanya kebanyakannya didapati di Negeri Johor sahaja. Keadaan ini ternyata sungguh di Negeri Johor adalah berikutan dengan kebanyakan rakyat Singapura membeli-belah di negeri itu. Orangramai sepatutnya menganggap wang syiling Singapura sebagai matawang luar yang lain yang seharusnya ditukar dengan bank-bank atau penukar-penukar wang yang disahkan.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini sedar berhubung dengan adanya wang-wang syiling diperlakukan di Malaysia itu kerana nilai wang Malaysia dengan Singapura adalah tidak sama, dengan ini tentulah kewangan Malaysia menampung banyak kerugian dalam masaalah menghadapi kewangan negara kita. Adakah Kementerian Kewangan bercadang hendak membuat perkiraan supaya wang Malaysia bersendirian dan tidak seperti sekarang ini iaitu wang Malaysia, Singapura dan Brunei adalah dalam perkiraan yang sama?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi soalan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Kementerian Kewangan sedar dengan adanya wang syiling Singapura di Malaysia dan perkiraan wang Malaysia dengan Singapura adalah tidak sama nilai matawang itu. Oleh itu, kalau berlarutan tentulah akan membawa kerugian matawang Malaysia di masa akan datang. Maka dengan ini adakah Kementerian bercadang iaitu Malaysia membuat perkiraan wang dengan cara bersendirian dan tidak termasuk sebagaimana sekarang ini iaitu matawang Malaysia, Singapura dan Brunei.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang kedua itu lain sekali, yang pertama itu bolehlah dijawab.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan duit syiling Singapura ialah satu masaalah yang patut dihadapi oleh penerimanya sendiri. Jika sekiranya penerima-penerima duit syiling ini dengan sukarela hendak menerima duit syiling ini dan jikalau nilai duit syiling Singapura itu tidak sama taraf dengan duit syiling Malaysia itu terpulang kepada penerimaan-penerimaan sendiri. Kita tidak boleh elakkan kejadian-kejadian ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini sedar ada berita-berita mengatakan bahawa wang syiling kita nilai logamnya lebih daripada wang Singapura. Dengan ini mungkin orang Singapura ramai yang menyimpan wang kita. Jika sekiranya ini benar, adakah Kementerian Kewangan menerusi Bank Negara Malaysia bercadang untuk hendak membuat atau mengadakan wang 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen daripada wang kertas?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada orang ramai yang salah anggap bahawa nilai metal alloy yang ada di dalam duit syiling itu ada berharga. Tetapi ini hanyalah satu salah faham mereka sahaja. Kementerian Kewangan dan Bank Negara juga ada menimbangkan samada kita patut mengeluarkan duit syiling dengan memakai kertas tetapi pada setakat ini kita tidak akan membuat duit syiling dengan kertas oleh kerana cara ini adalah satu cara yang tidak berapa memuaskan.

PENGANGKUTAN AWAM— PERKHIDMATAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerjaya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di Kuala Lumpur terutamanya pengusaha-pengusaha bas untuk membincangkan bagaimana perkhidmatan bas dan lain-lain perkhidmatan pengangkutan awam boleh diperbaiki.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya bukan sahaja telah bercadang mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di Kuala Lumpur tetapi semenjak beliau mengambil alih tanggungjawab hal ehwal pengangkutan, beliau telahpun mengadakan tiga kali mesyuarat dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di Kuala Lumpur kerana merundingkan cara-cara bagaimana masaalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini dapat diselesaikan.

Di dalam perbincangan-perbincangan ini beliau telah menggesa supaya semua Syarikat-syarikat Bas memperbaiki tentang kualiti dan juga menambahkan trip-trip perjalanan pada waktu-waktu kesibukan dan pengusaha-pengusaha bas tersebut telahpun memberi janji kepada beliau mengenai hal ini. Tetapi sebaliknya pengusaha-pengusaha telah meminta pertimbangan supaya tambang bas yang telah ditentukan 25 tahun dahulu itu dinaikkan sedikit.

Perkara ini telah ditimbang oleh Kerajaan dan pada 1-4-75 tambang bas telah dinaikkan daripada 4 sen kepada 5 sen pada tiap-tiap sebatu, untuk menampung kenaikan barang-barang alat-alat ganti (spare parts), minyak dan juga perbelanjaan mengurus (operating costs).

Adalah diharapkan supaya dengan langkah-langkah ini masaalah-masaalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini akan dapat diperbaiki.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bilakah mini-bas dapat dilancarkan di Kuala Lumpur?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Sila ulangkan soalan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bilakah mini-bas dapat dilancarkan di Kuala Lumpur?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara mini-bas ini, saya fikir belum tetap lagi tetapi perkara ini adalah sedang dikaji dengan aktif.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar segala tindakan yang telah diambil oleh Kementerianya seumpamanya perundingan-perundingan dengan pengusaha bas di Kuala Lumpur dan menaikkan tambang bas dan sebagainya bahawa ianya tidak mencukupi dan tidak sesuai bagi mengadakan pengangkutan bagi penumpang-penumpang di Kuala Lumpur. Sebaliknya tiap-tiap hari kita dapati penumpang-penumpang di Kuala Lumpur bukan sahaja tidak berpuas hati malahan mereka marah tentang tindakan yang tidak diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki masalah pengangkutan di Kuala Lumpur. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar bahawa pada 3 bulan dahulu saya telah membangkitkan perkara mini-bas di Kuala Lumpur dan pada masa itu Kerajaan telah menjawab bahawa perkara ini diambil perhatian dan Kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Berapa lama lagi penumpang-penumpang di Kuala Lumpur terpaksa menunggu sebelum mini-bas dibenarkan berjalan di Kuala Lumpur ataupun masalah pengangkutan di Kuala Lumpur ini boleh diperbaiki.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah dijawab, kerana soal tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA DI-BERHENTIKAN DI SINGAPURA

4. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil untuk membantu pekerja-pekerja dari Malaysia yang telah diberhentikan pekerjaan mereka di Singapura baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada langkah-langkah tertentu yang diambil.

Pekerja-pekerja dari Malaysia yang telah diberhentikan pekerjaan mereka di Singapura baru-baru ini bolehlah mendaftarkan diri mereka di salah sebuah Pejabat Pekerjaan di seluruh Malaysia dan mereka akan diberi bantuan untuk mendapatkan pekerjaan.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan memberitahu berapa orang pekerja-pekerja yang balik daripada Singapura setelah kerjanya dibuang?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis dahulu, tidak boleh kita fikirkan begitu.

Dr Tan Chee Khoon: Ini ada kenamengena dengan soalan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, tetapi bukan berapa ramai. Kalau hendak bertanya berapa ramai dengan tidak diberi notis, mana beliau boleh tahu berapa banyak.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan lain tidak apa.

Dr Tan Chee Khoon: Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa pekerja-pekerja yang balik daripada Singapura boleh mendaftarkan nama mereka di Pejabat-Pejabat Buruh masing-masing di seluruh Malaysia. Apa yang saya ingin bertanya kepada beliau oleh sebab pada pendapat saya beribu-ribu orang yang balik daripada Singapura, adakah Kementerian Buruh mengadakan rancangan khas untuk membantu pekerja-pekerja sebut?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat, tidak ada rancangan khas pada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja di Singapura dan balik ke Malaysia. Saya suka memberitahu bahawa pencari-pencari kerja yang mendaftarkan diri di Perkhidmatan Pekerjaan di seluruh Malaysia sehingga akhir Januari, 1975 ialah 143,401 orang.

PROJEK PEMBANGUNAN DI KAMPUNG BARU

5. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kementerian akan menguntukan wang cukup bagi projek-projek pembangunan dalam Kampung-kampung Baru di Negeri Sarawak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan menimbang-pemberian peruntukan yang berpatutan bagi projek-projek pembangunan dalam Kampung-kampung Baru di Negeri Sarawak apabila dipohon oleh badan tertentu menerusi Kerajaan Negeri Sarawak.

JAMBATAN NORDIN—GANTIKAN

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan ada rancangan untuk membina jabatan baru bagi menggantikan Jambatan Nordin (Jambatan Gantung Sehala) di Tanjong Belanja, Parit yang ada sekarang memandangkan keadaan lalu-lintas yang kian bertambah sibuk.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah merancang untuk membina jambatan baru bagi menggantikan Jambatan Nordin yang ada sekarang, tetapi pembinaan fizikalnya terpaksa ditangguhkan sehingga penghujung Rancangan Malaysia Ketiga oleh sebab perbelanjaan yang terhad dan memandang kepada keutamaan pada projek-projek lain.

HOSPITAL DAERAH SIMUNJAN, SARAWAK

7. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Hospital Daerah di Simunjan, Sarawak dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebuah Pusat Kesihatan Besar telah diluluskan untuk Simunjan. Dengan adanya pusat ini, kemudahan-kemudahan asas termasuk perkhidmatan pegawai perubatan dan pegawai pergisian akan diwujudkan. Projek ini juga akan mempunyai tempat untuk merawat secara "in-patient", kes-kes penyakit yang ringan dan kes-kes bersalin.

Kementerian saya baru-baru ini diberitahu oleh Kerajaan Negeri bahawa perkampungan Simunjan dicadangkan dipindahkan ke tempat baru oleh kerana kawasan itu

terancam oleh hakisan tebing sungai. Oleh yang demikian pelaksanaan Pusat Kesihatan Besar Simunjan ditangguhkan sementara menunggu siapnya perkampungan baru tersebut.

Sementara ini Kementerian saya bercadang memajukan lagi Gedong Ubat yang ujud di Simunjan untuk menghadapi keperluan-keperluan segera penduduk-penduduk di situ.

ASKAR WATANIAH

8. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa Tentera Wataniah tidak diberi faedah-faedah, seperti:

- (a) pencen setelah berkhidmat selama 21 tahun;
- (b) tuntutan kematian dalam perkhidmatan;
- (c) suguhati kerana kemalangan udara sebagaimana diberi kepada Tentera Biasa;
- (d) KWSP; dan
- (e) latihan sebelum perkhidmatan;

Jika sedar, nyatakan sebab-sebab perbezaan layanan kepada tentera Wataniah dan Tentera biasa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan bahawa dalam Askar Wataniah terdapat sekarang ini 3 jenis anggota; iaitu:

- (i) Pegawai Tetap dan Jurulatih Tetap;
- (ii) Anggota sukarela; dan
- (iii) Anggota sukarela yang dikerah berkhidmat sepenuh masa.

Pegawai Tetap dan Jurulatih Tetap Askar Wataniah bolehlah dianggap berkhidmat secara kontrek. Mengikut peraturan yang ada, Pegawai Tetap yang telah tamat perkhidmatan boleh mendapat ganjaran dengan kadar $17\frac{1}{2}$ dari gaji bulan terakhir untuk tiap-tiap bulan mereka berkhidmat. Di samping itu mereka ada mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja semasa mereka berkhidmat dan oleh sebab mereka diberi ganjaran, caruman oleh pihak Kerajaan adalah ditolak dari ganjaran mereka.

Berkenaan Jurulatih Tetap pula mereka ini biasanya adalah bekas perajurit yang diambil bekerja oleh Askar Wataniah. Mereka adalah mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Mereka tidak dibayar apa-apa ganjaran selepas berkhidmat dan oleh itu mereka berhak mendapat sepenuh faedah dari kumpulan Simpanan Wang Pekerja mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

Selain dari itu, Pegawai Tetap dan Jurulatih Tetap adalah diliputi oleh syarat-syarat mengenai saguhati kemalangan udara seperti yang dikenakan kepada kakitangan Kerajaan yang lain.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu perlu juga dinyatakan bahawa jumlah Pegawai Tetap dan Jurulatih Tetap dalam Askar Wataniah adalah berkurangan kerana sebilangan besar daripada mereka telahpun diserapkan ke dalam perkhidmatan Askar Biasa mengikut syor Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah. Berkenaan jenis anggota yang kedua, iaitu anggota sukarela Askar Wataniah, mereka ini adalah orang-orang awam yang merupakan askar sambilan yang diberi latihan dari masa ke semasa. Kebanyakan daripada mereka mempunyai pekerjaan awam. Oleh sebab mereka ini bukanlah askar sepenuhnya, mereka ini hanya dibayar elaun dan saguhati tahunan.

Jika mereka mati semasa menjalankan tugas sebagai anggota sukarela, waris mereka boleh dibayar saguhati mengikut peraturan-peraturan di bawah Volunteer Forces (Compensation) Rules, 1951.

Bagi jenis anggota yang ketiga pula, iaitu anggota sukarela yang dikerah berkhidmat sepenuh masa, mereka ini adalah dianggap sebagai Askar Biasa dan diberi faedah yang sama seperti Askar Biasa dari segi gaji, elaun dan sebagainya.

Dari keterangan saya tadi jelaslah bahawa sebarang perbezaan yang terdapat antara Askar Wataniah dan Askar Biasa adalah disebabkan oleh tugas yang berlainan. Misalnya anggota sukarela yang menjadi askar sambilan tidaklah sewajarnya diberi pencen. Walau bagaimanapun, untuk keadaan yang lain, seperti kematian semasa menjalankan tugas, sudah ada peraturan-peraturan untuk membayar saguhati.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyebutkan tiga jenis Askar Wataniah katanya. Jenis yang pertama, katanya Pegawai Tetap. Mengapakah ada perbezaan antara pegawai Tetap dan Pegawai Biasa. Umpamanya jika berlaku kematian di dalam perkhidmatannya itu, mengapa ada perbezaan antara Pegawai Tetap dan Pegawai Biasa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab, iaitu perbedaannya ialah kerana tugas-tugasnya yang berlainan, dan yang berbeza sangat hanya anggota sukarela yang mana ianya dipanggil untuk berkhidmat waktu itu sahaja dan ianya sudah diterangkan sebabnya tadi. Sila kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan dalam jawapan saya tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memang betul sudah diterangkan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Kalau seorang Pegawai Sukarela tentulah ada perbezaan dengan askar biasa, tetapi saya tidak faham mengapakah ada perbezaan antara Pegawai Tetap dan Askar Biasa? Itu yang saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, semuanya saya sudah terangkan dalam jawapan saya tadi kerana tugas mereka itu berlainan.

KERETA PENUMPANG— PERKHIDMATAN

9. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa Perkhidmatan Keretapi kita sekarang jauh daripada memuaskan terutama sekali tentang kebersihan keretapi-keretapi penumpang dari kelas satu hingga kelas tiga, dan jika sedar, apakah tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian adalah sedar bahawa 41% koc-koc yang dipakai sekarang telah lanjut usianya dan tidak ekonomik. Ini membuat perkhidmatannya lebih buruk lagi dan tidak bermutu. Untuk membaiki lagi perkhidmatannya, di bawah Rancangan Malaysia Kedua 34 koc-koc yang baru telahpun dipesan, dan penggantian koc-koc yang lebih banyak lagi sedang diperimbangankan.

Kebersihan koc-koc adalah sentiasa diawasi dan pada setiap masa sebelum ianya dikeluarkan dari bengkel-bengkel atau bangsal-bangsang untuk digunakan koc-koc ini dicuci dengan sempurna luar dan dalamnya. Paip-paip air tambahan untuk membekalkan air kepada terin-terin dan tempat-tempat mencuci koc-koc akan diuntukkan di stesyen-stesyen penamat (terminal station) dan kemudahan-kemudahan ini dijangka akan siap dalam sedikit masa lagi.

Bilik-bilik menanti penumpang-penumpang dan kemudahan-kemudahan yang lain akan diperbaiki di beberapa stesyen-stesyen bagi meninggikan taraf Perkhidmatan Keretapi terhadap penumpang-penumpang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bukan sahaja di kelas tiga, tetapi lampu dalam kelas satu di dalam bilek itu pun tidak begitu terang. Oleh sebab itu penumpang-penumpang tidak boleh baca buku, begitu juga lampu di tandas. Walaupun Yang Berhormat mengatakan sebelum koc itu keluar daripada bengkelnya sudah dicuci, tetapi kadang-kadang apabila saya duduk di kelas satu, saya lihat tandas itu kotor, tidak bersih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan dengan segera supaya kebersihan semua koc-koc boleh dijaga dengan teliti oleh pegawai-pegawai yang tertentu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tentu lah penumpang yang mengotorkannya.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan penumpang-penumpang yang membuat kotor. Walaupun Setiausaha Parlimen mengatakan koc itu keluar dari bengkelnya bersih, tetapi barangkali tidak bersih dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak sedar.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa tentu faham koc-koc yang ada pada hari ini seperti mana yang saya katakan tadi adalah koc-koc yang diimpot daripada Britain. Jadi koc-koc itu ialah koc-koc yang lama. Saya sudah terangkan tadi bahawa kita sudah ada koc baharu dan dengan koc baharu itulah yang akan membaiki keadaan kebersihan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soal koc lama bukan koc yang dibuat di Britain, dan yang baharu pun ada juga.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, sebelum koc baru tiba di tanahair kita apakah tindakan Keretapi akan mengambil untuk menjaga kebersihan koc yang sedang digunakan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab tadi. Katanya, "sudah dibersihkan". Kita meminta Setiausaha Parlimen memerhatikan sekali-sekali—membuat peperiksaan mengejut.

BIASISWA KERAJAAN— SYARAT-SYARAT

10. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak mengenakan syarat-syarat bahawa penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa Kerajaan hendaklah berpakaian kemas, berambut pendek yang munsabah, berkelakuan baik, tidak berdemonstrasi menentang pemerintah;
- (b) samada pada masa-masa yang lepas syarat-syarat tersebut telah dikenakan ke atas mereka; nyatakan tindakan Kerajaan terhadap mereka yang melanggar syarat-syarat dalam perjanjian biasiswa itu; dan
- (c) bilangan penuntut-penuntut yang telah merusuh dengan menyebut sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian yang mereka sedang belajar serta anggaran kerusakan ke atas harta-harta Kerajaan akibat rusuhan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sehingga sekarang Kerajaan belum ber-cadang hendak mengenakan syarat-syarat bahawa pelajar-pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan hendaklah berpakaian kemas, berambut pendek yang menasabah dan berkelakuan baik, kerana adalah difikirkan bahawa pada peringkat umur memasuki universiti pelajar-pelajar itu telah baligh dan mereka boleh memilih pakaian dan menunjukkan kelakuan yang sesuai dengan pelajar-pelajar universiti. Walau bagaimanapun, pelajar yang menerima biasiswa atau dermasiswa Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki menandatangani suatu perjanjian dalam mana pelajar itu mengaku bahawa jika ianya didapati melakukan kesalahan salah-laku secara yang mungkin mencemarkan nama baik dirinya atau negerinya; atau mencuaikan, ataupun menunjukkan dirinya sebagai tidak mengindahkan pelajarannya, maka dengan demikian pelajar itu adalah melanggar syarat-syarat perjanjian tersebut dan tindakan boleh diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan biasiswanya atas salah-laku itu.

(b) Syarat-syarat yang khusus seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah dikenakan kepada mereka yang menerima biasiswa di masa-masa yang lepas.

(c) Saya tidak dapat memberi jawapan kepada soalan (c) kerana soalan tersebut tidak khusus, Ahli Yang Berhormat tidak menentukan samada sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian itu terdiri dari sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian yang dibiayai oleh Kerajaan atau sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian yang dibiayai oleh badan-badan persendirian.

Berhubung dengan anggaran kerosakan ke atas harta-harta Kerajaan akibat rusuhan pelajar-pelajar itu, belum ada lagi di dalam simpanan Kementerian Pelajaran.

PEMBERHENTIAN PEKERJA-PEKERJA—BADAN PETUGAS

11. Tuan Walter Loh Poh Khan bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, apakah cadangan beliau untuk mengurangkan pemberhentian pekerja-pekerja akibat dari masalah kemerosotan dunia dan samada ujud satu jabatan khas untuk mendaftar nama bagi pekerja-pekerja ini supaya pihak Kementerian berkenaan dapat menolong mereka mencari pekerjaan-pekerjaan yang lain dan berapa ramaikan di antara mereka yang telah dapat pekerjaan yang lain menerusi Kementerian beliau.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, satu Badan Petugas telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk mendapat maklumat awal berkaitan dengan pemberhentian pekerja-pekerja. Badan Petugas ini juga mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan di tempat-tempat kerja yang bermaksud untuk memberhentikan pekerja-pekerja dengan harapan dapat menjauhkan, mengurangkan atau menanggung pemberhentian itu. Satu badan jentera telah juga ditubuhkan untuk mendaftar pekerja-pekerja yang telah diberhentikan itu di Perkhidmatan Pekerjaan, terutamanya dengan tujuan mendapatkan pekerjaan lain bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan itu.

Patut ditegaskan bahawa pertolongan yang sama akan diberikan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dan juga orang-orang yang mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pertanyaan ini ada disebutkan berapa ramaikah di antara mereka yang telah mendapat pekerjaan yang lain menerusi Kementerian beliau. Jadi dalam jawapan tadi kita tidak dengar berapa ramai orang-orang yang dibuang kerja yang sudah didapatkan kerja oleh Kementerian yang berkenaan. Kalau hendak kata belum ada notis, saya fikir ini notis yang cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada siapa yang menimbulkan tidak ada notis.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Saya takut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab seperti itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soalnya ada.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Januari, 1975 termasuk setengah tahun kedua, 1974, sejumlah 8,303 pekerja telah diberhentikan di Semenanjung Malaysia. Pecahan mengikut industri adalah seperti berikut:

Letronik	1,801
Papan Lapis	2,203
Kain	93
Pakaian	437
Kilang papan	1,506
Lain-lain industri	2,263

Pembuangan kerja di Sarawak sehingga akhir bulan Disember, 1974

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya tadi berapa ramai di antara mereka yang telah dibuang kerja telah mendapat pekerjaan menerusi Kementerian.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga bertanya berapa ramai telah diberhentikan.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Berapa ramai yang telah mendapat pekerjaan.

Tuan S. Subramaniam: Perangkaan mengenai pekerja-pekerja yang dibuang kerja dan telah mendapat pekerjaan belum lagi didapati, kerana ramai dari mereka yang telah dibuang kerja tidak mendaftarkan diri dan angka-angka dari pekerja-pekerja yang didaftarkan masih sedang disiapkan.

TARAF KESIHATAN PENDUDUK LUAR BANDAR

12. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar bahawa kesihatan penduduk di kawasan-kawasan luarbandar pada amnya tidak sebaik kesihatan penduduk di kawasan-kawasan bandar, dan jika ya, adakah rancangan-rancangan telah dijalankan untuk memperbaikinya; dan adakah apa-apa halangan pelaksanaan rancangan tersebut.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam semua negeri di seluruh dunia, taraf kesihatan penduduk di

luarbandar pada umumnya tidak sebaik penduduk di dalam bandar. Ini kerana biasanya segala kemudahan di kawasan-kawasan luar bandar tidak semoden seperti yang ada di kawasan-kawasan dalam bandar, dan taraf sosio-ekonomi di luarbandar juga biasanya lebih rendah dari kawasan bandar.

Di Malaysia, sebelum Merdeka, amat sukar kita dapati perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan luarbandar; tetapi sesudah mencapai kemerdekaan telah banyak kemajuan yang dicapai dalam kemudahan-kemudahan tersebut. Perangkaan-perangkaan berikut menunjukkan perbezaannya:

	1960	1970	1974 (siap)
Pusat Kesihatan Besar ...	8	44	71
Pusat Kesihatan Kecil ...	8	180	253
Klinik dan Rumah Bidan	26	943	1,314

Satu tanda betapa besarnya perkembangan kemudahan-kemudahan ini dapat diperhatikan dari nisbah klinik bidan dibandingkan dengan penduduk. Dalam tahun 1957 cuma ada 1 klinik bidan bagi tiap-tiap 121,000 orang penduduk di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam tahun 1970 nisbah ini telah bertambah baik menjadi 1 klinik dan Rumah Bidan bagi tiap-tiap 5,800 orang. Hingga ke tahun 1975 angka ini akan dikurangkan lagi bagi meliputi 4,000 orang penduduk kerana keadaan socio-ekonomi telah menjadi lebih baik di kawasan-kawasan luar bandar sejak Merdeka, juga dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang bertambah baik, kadar Kematian Bayi di luarbandar telah jatuh daripada peringkat 75.5 kepada 37.9.

Bagi maklumat Ahli dari Padang Terap, Kementerian saya pada masa ini sedang memperkukuhkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan luarbandar dengan menaikkan taraf Klinik-klinik Bidan kepada Klinik Desa yang memberikan perkhidmatan rawatan dan lain-lain perkhidmatan perbidanan. Juga Pusat-pusat Kesihatan Kecil sedang dinaikkan tarafnya menjadi Pusat-pusat Kesihatan Besar, supaya akhirnya nanti akan terbentuk satu sistem "two-tier" (2 peringkat). Pusat Kesihatan dan Klinik Desa bagi menggantikan sistem tiga peringkat yang ada sekarang iaitu Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik Bidan.

Rancangan ini sedang dimasukkan dengan tekadnya ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan ketegasan diberikan kepada negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama lain-lain rancangan khas sedang dipergiatkan atau diteruskan termasuklah kempen Pembasmi Malaria, kempen kawalan Tibi, kempen kebersihan alam sekitar dan rancangan kesihatan ibu dan kanak-kanak termasuk amalan pemakanan dan rancangan kesihatan sekolah. Cuma halangan kepada pelaksanaan yang lebih besar ialah kedayaan membina bangunan dan menyediakan kakitangan yang terlatih, supaya berselaras dengan kehendak-kehendak perkhidmatan-perkhidmatan yang bertambah.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan pada keseluruhannya kedudukan kesihatan di dalam bandar lebih baik daripada luar bandar. Adakah ini termasuk setinggan-setinggan yang duduk dalam bandar?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setinggan termasuk di dalam kawasan luar bandar walaupun dia duduknya di dalam bandar.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Jadi kalau sudah tahu tidak termasuk dalam bandar, apakah rancangan untuk mereka itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya pihak Kementerian sedar kesihatan penduduk luar bandar kurang baik kalau dibandingkan dengan penduduk dalam bandar, adakah pihak Kementerian bercadang membuat satu rekaan kenderaan yang boleh masuk ke kampung-kampung yang tidak boleh dilalui oleh kereta-kereta untuk menolong penduduk-penduduk di luar bandar mendapat rawatan. Saya katakan begitu kerana penduduk-penduduk luar bandar tidak ada jalan yang boleh dilalui oleh kenderaan dan mereka yang sakit tenat ataupun sakit bersalin 1-2 hari terpaksa dibawa dengan basikal untuk mendapatkan rawatan. Jadi soalannya, adakah pihak Kementerian ini bercadang merekakan satu kenderaan

yang boleh masuk ke dalam kampung di mana jalanraya tidak boleh dimasuki oleh kereta.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baru hendak direka atau meminta Kementerian mereka, ataupun hendak menggunakan apa yang telah ada.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Minta Kementerian itu mereka bagaimana cara hendak menolong penduduk di luar bandar yang tidak ada kemudahan untuk naik kereta mendapat rawatan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah kita akan cuba reka. (Ketawa).

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkenaan ada menerangkan kalau penduduk-penduduk ada 5,000 lebih, Kerajaan ada menubuhkan satu klinik. Di Sarawak banyak tempat yang menggunakan klinik tetapi oleh kerana penduduknya belum lagi sampai 5,000 orang. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat menimbangkan, kalau ada penduduk 3,000 hingga 4,000 dapat dibuat dengan satu klinik di Negeri Sarawak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah khasnya bagi Negeri Sarawak yang kita tahu kedudukan penduduk-penduduk adalah di kawasan yang jauh-jauh dan payah untuk kita sampai ke sana akan dipertimbangkan untuk diberikan rawatan yang cukup.

HOSPITAL KOTA BHARU— KESESAKAN WAD

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar tentang keadaan kesesakan yang terdapat di wad-wad di Hospital Kota Bharu, dan jika ya, apakah langkah-langkah segera yang telah diambil mengenai perkara ini sebelum hospital baru yang akan dibina di Kubang Kerian, Kota Bharu, siap.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar di atas keadaan kesesakan yang terdapat di Hospital Besar, Kota Bharu dan saya sendiri pun sedar sebab saya baru juga melawat ke

Hospital Besar, Kota Bharu dan juga betapa perlunya hospital tersebut diberi tambahan wad-wad untuk mengatasi masalah ini. Oleh yang demikian, Kementerian saya telah mengambil tindakan membina sebanyak 4 wad tambahan di hospital ini sebagai langkah sementara, semasa menunggu hospital baru mula dibina.

Wad-wad yang dibina adalah seperti berikut:

1. Wad Bersalin
2. Wad Kanak-kanak
3. Wad Orthopaedic
4. Wad Penyakit Jiwa.

Dengan adanya wad-wad tersebut di atas, Hospital Besar, Kota Bharu telah bertambah dengan sebanyak 180 katil dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

Walaupun Kementerian saya berhajat juga untuk menambah satu wad lagi iaitu untuk penyakit-penyakit am, malangnya kawasan hospital tersebut telah tiada tapak tanah yang kosong untuk tujuan ini.

Tindakan-tindakan yang pesat telah diambil untuk menyelesaikan pembinaan hospital baru ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan menambah wad-wad baru di Hospital Kota Bharu ini, bolehkah Yang Berhormat menimbangkan untuk menambah satu lagi musalla memandangkan musalla yang ada sekarang ini telah dibuat sama jadi dengan tarikh bangunan hospital itu sendiri.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah jikalau kita mendapat tempat kita akan ikhtiarkan untuk menambah musalla.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, insya Allah.

**LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA—
WANG TUNGGAKAN**

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membayar wang tunggakan sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan kepada penanam-penanam tembakau di negara ini

memandangkan bahawa setengah-setengah syarikat rokok belum menghantar bil-bil mereka kepada Lembaga Tembakau Negara dan setengah daripada mereka menerima bil-bil yang belum dibayar lagi, dari Lembaga tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara telah mulai mengurus membayar \$2,605,302.20 atau 30% daripada jumlah wang tunggakan yang dianggarkan sebanyak \$9.5 juta daripada pengilang-pengilang rokok kepada 240 orang pengawit dan kira-kira 70,000 orang penanam-penanam pada 24-2-75. Bayaran kebelakangan tersebut ialah daripada syarikat-syarikat pembuat rokok Malayan Tobacco Company, Leaf Tobacco Development Corporation dan R. J. Reynolds. Saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat tersebut kerjasama dan fahaman mereka membuat pembayaran tersebut.

Baki wang tunggakan sebanyak 70% lagi dijangka dapat dibayar dengan kadar 30% pada 15-5-75; 20% pada 15-7-75; 20% yang akhir pada 15-9-75. Pengawit-pengawit yang belum lagi membuat tuntutan bagi wang tunggakan itu telah dinasihatkan menyediakan baucer-baucer yang akan dikemukakan kepada syarikat-syarikat rokok.

Kelewatan membayar wang kebelakangan berjumlah \$9.5 juta itu disebabkan oleh langkah mengurangkan kredit dari institusi-institusi kewangan sebagai usaha mengurangkan kesan inflasi dan juga kerana kerja-kerja menentukan siapakah yang berhak menerima dan butir-butir lain mengenai bayaran kebelakangan dari Syarikat Joo Lan, Tai Chong dan Modern Tobacco masih dirundingkan.

PELET NOMBOR KERETA MOTOR

15. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau bercadang untuk mengadakan satu cara memasang pelet nombor kereta-kereta motor yang lebih praktik lagi yang tidak mudah diubah-ubah dengan segera seperti yang ada sekarang oleh penyeludup-penyeludup, pencuri-pencuri kereta, perompak-perompak, pemerias ugut dan lain-lain lagi untuk melarikan diri dari tindakan polis atau pihak-pihak berkuasa yang lain.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, tidak. Cara memasang pelet nombor kereta-kereta motor yang dijalankan sekarang di Malaysia adalah sama dengan cara-cara di negara-negara lain yang maju, dan bukanlah satu cara bersendirian. Apa yang berlainan ialah warna pelet nombor sahaja. Cara yang terdapat sekarang adalah praktik dan mengikut kehendak-kehendak International Convention on Road Traffic.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar dengan pelet yang ada sekarang ini bahawa dalam masa satu-dua minit boleh ditukar-tukarkan. Ini memberi kesempatan kepada pihak pencuri-pencuri kereta dan sebagainya untuk melepaskan diri daripada pihak yang berkenaan?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi ini adalah satu cara yang sesuai yang dianggap terbaik sekali. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada mempunyai cadangan yang lebih baik, Kementerian saya sentiasa mempunyai fikiran yang terbuka yang akan menimbangkan kalau ada cadangan yang lebih baik.

KERETA-KERETA DIRAMPAS

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa tindakan merampas kereta-kereta yang terlibat dalam perbuatan yang menyalahkan undang-undang sementara menunggu perbicaraan di mahkamah itu menyebabkan berlaku banyak kerosakan ke atas kereta-kereta itu dan mengakibatkan kerugian yang besar kepada tuannya kereta tersebut.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui adanya kenderaan yang musnah atau banyak yang rosak semasa menunggu perbicaraan memandangkan tidak ada sehingga ini tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan oleh pihak yang empunya, tetapi kalau bertambah buruk motokar itu atau lori sememangnya saya sedar, sebab kereta yang berenjin kalau lama tak dipakai memang rosak sedikit. Kebanyakan kenderaan tersebut dipulangkan

kepada pemilik selepas menyempurnakan bond atau perjanjian untuk membawa kereta-kereta tersebut pada tarikh perbicaraan di mahkamah dikecualikan kereta-kereta yang telah dirampas di bawah Akta Kastam ataupun atas impot yang menyalahi undang-undang, kereta-kereta yang digunakan untuk penyeludupan candu dan barang-barang yang seharusnya dikenakan cukai yang ditahan untuk dirampas dan dipulangkan juga kepada pemilik selepas menyempurnakan bond sebelum bicara, melainkan jika tidak ada apa-apa tuntutan telah dibuat atas hak milik atau kereta-kereta itu akan menjadi exhibit yang mustahak sebagai keterangan dalam perbicaraan. Saya misalkan di sini sebuah kereta telah digunakan bagi penyeludupan candu atau dadah dalam tempat duduknya atau di celah-celah motokar itu yang diubahsuai dengan keadaannya untuk diseludupkan. Apakala ditangkap didapati dadah atau candu dalam tempat yang saya sebutkan tadi dan orang yang dituduh itu tidak mengaku salah dan hendak dibicarakan, maka pihak Pendakwa dan mahkamah juga tidak akan membenarkan dipulangkan kereta itu kerana menjadi satu exhibit dan keterangan di dalam perbicaraan, menunjukkan bagaimana mereka itu menyeludupkan barang-barang itu. Yang susah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah lori yang telah dipulangkan balik bila menunggu perbicaraan dengan mengikat bond, tetapi bila masa datang perbicaraan 7 bulan kemudian, tayar yang baru menjadi buruk dan setengah parts atau bahagian dalam enjinnya itu termasuk batterinya nampak buruk. Bila ditanya dia kata dengan sebab sudah rosak diganti baru, tetapi kita tahu dijual spare-parts itu diganti dengan yang buruk. Oleh itu, kalau dirampas, Kerajaan rugi dan perkara ini terpaksa difikirkan dua kali sebelum kita pulangkan mengikat bond.

PERUBATAN PERCUMA KEPADA KAKITANGAN KERETAPI

17. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada langkah telah diambil untuk memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada kakitangan Jabatan Keretapi yang ditempatkan di Singapura, dan, samada elaun yang cukup akan diberi untuk membolehkan mereka hidup dalam kadar kehidupan yang tinggi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada kakitangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di Singapura adalah soal yang meliputi juga kakitangan Jabatan Persekutuan yang lain yang bertugas di Singapura. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapat keputusannya. Sementara itu Pentadbiran Keretapi telahpun menubuhkan satu kliniknya di Singapura di mana kakitangannya boleh mendapat perkhidmatan perubatan percuma bagi rawatan-rawatan ringan. Bagi kakitangan yang memerlukan rawatan-rawatan di hospital atau di klinik-klinik Singapura maka perbelanjaan atas rawatan-rawatan tersebut adalah dibiayai dengan sepenuhnya oleh Keretapi Tanah Melayu bagi kakitangan yang layak mendapat rawatan perubatan percuma. Bagi mereka yang mendapat gaji sebanyak atau lebih daripada \$180, mereka hanya dikehendaki membayar kadar yang ditetapkan di Perintah Am Bab F, dan bakinya adalah dibayar oleh Keretapi Tanah Melayu.

Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang berkhidmat di Singapura adalah dibayar Elaun Singapura sebagaimana yang dibayar kepada kakitangan-kakitangan Jabatan Persekutuan yang lain sebanyak 10 peratus daripada gaji bersih tertakluk kepada minima \$30 sebulan dan maksima \$100 sebulan kepada seseorang pegawai mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1975 bertarikh 3hb Januari, 1975.

KELAS TINGKATAN ENAM KURANG MURID

18. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan kelas-kelas Tingkatan Enam dalam tahun 1974 yang mempunyai bilangan penuntut-penuntut kurang daripada 25 orang dan beri sebab-sebabnya; dan
- (ii) samada beliau akan mengarahkan, di mana perlu, supaya penuntut-penuntut yang mempunyai kurang bilangan mata daripada apa yang telah ditetapkan diberi tempat dalam Tingkatan Enam bagi memenuhi kelas tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Daripada jumlah 190 buah kelas Tingkatan Enam Rendah aliran Inggeris pada tahun 1974 sebanyak 28 buah adalah dengan hitung panjang kurang daripada 25 murid sekelas. Di kelas-kelas aliran Bahasa Malaysia pula daripada 59 buah kelas kesemuanya sebanyak 13 buah adalah dengan hitung-panjang kurang daripada 25 murid sekelas.

Tempat-tempat kosong di kelas-kelas yang berkenaan itu tidak diisikan adalah disebabkan kekosongan-kekosongan tersebut berlaku pada ketika yang telah lewat untuk diisikan—biasanya pada pertengahan ataupun penghujung penggal ketiga sekolah akibat perpisahan murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut, menjawat pekerjaan dan sebagainya. Ada juga tempat-tempat kosong di setengah-setengah kawasan atau negeri itu tinggal kosong disebabkan keengganan calon-calon yang ditawarkan tempat yang datangnya daripada kawasan-kawasan atau negeri-negeri lain menerima tawaran-tawaran tersebut, manakala calon-calon yang dianggap layak diberi tempat daripada kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang berkenaan itu pula kesemuanya telahpun ditawarkan tempat. Bagaimanapun untuk menentukan tempat-tempat kosong tersebut tidak tinggal terbiar sahaja maka pada tahun yang berikut, iaitu di peringkat Tingkatan VI Atas, peluang-peluang adalah dibuka bagi mereka yang berjaya dalam sebahagian Peperiksaan H.S.C./S.T.P. yang diduduki dalam tahun sebelumnya itu mengisikan tempat-tempat kosong tersebut.

- (ii) Adalah menjadi amalan dan dasar Kementerian Pelajaran untuk mengisikan semua tempat-tempat kosong yang terdapat di Tingkatan Enam itu dengan sewajarnya sepertimana yang saya katakan tadi, dan untuk tujuan ini syarat-syarat pemilihan ke kelas-kelas tersebut adalah dilonggarkan dari masa ke semasa.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan saya ialah samada Yang Berhormat Menteri atau Kementerian berkenaan akan melonggarkan

bilangan angka yang dikenakan pada mulanya untuk memenuhi kelas-kelas Tingkatan Enam ini. Jawapan yang diberikan itu tidak menyebutkan perkara itu, sebab angka 25 ini bukan seharusnya optimum untuk Tingkatan Enam, angka optimum saya fikir 40 untuk Arts, dan dengan mengenakan optimum 25 sahaja kita sudah dapat 28 kelas yang tidak mencukupi murid-murid. Saya anggap ini sebagai satu tindakan yang membazirkan wang Kerajaan dan investments yang sudah dibuat dengan kelengkapan makmal dan lain-lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang mana satu; adakah bahagian kedua?

Tuan K. Pathmanaban: Bahagian kedua.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sila Ahli Yang Berhormat itu ulangkan soalan itu sekali lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya iaitu yang kurang daripada aggregate itu untuk memenuhi kelas, adakah ditimbangkan pelajar-pelajar yang kurang markahnya? Itu soalan bahagian kedua.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam bahagian yang kedua dalam jawapan saya iaitu syarat-syarat adalah selalu dapat dilonggarkan dari semasa ke semasa dalam Kementerian saya.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan. Berapakah bilangan mata yang akan dikenakan untuk pengambilan murid-murid dalam Tingkatan VI pada tahun ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakan notis.

KURSUS-KURSUS KEMENTERIAN KEBUDAYAAN/MAJLIS BELIA

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

(a) bilangan kursus-kursus yang telah diselenggarakan oleh Kementerian ini hingga hari ini seperti kursus dakwah, kursus tarian dan lain-lain; dan

(b) memandangkan kepada penubuhan Majlis-majlis Belia yang baru dengan banyaknya oleh beberapa buah Negeri dalam Malaysia sekarang, samada Kerajaan masih mengakui Majlis Belia Negeri yang lama dan apakah akan terjadi dengan Majlis Belia Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kursus-kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Dari tahun 1971 hingga 1974 Bahagian Kebudayaan telah mengadakan sebanyak 854 kursus di Peringkat Kebangsaan dan Negeri yang melibatkan 42,700 orang peserta.

Bagi tahun 1975 dicadangkan kira-kira 46 kursus lagi dijalankan yang akan melibatkan kira-kira 2,300 orang peserta.

Kursus-kursus itu dibahagikan kepada bidang-bidang kegiatan seperti berikut:

1. Tarian ...	137 kursus	6,850 peserta
2. Drama ...	199 kursus	9,950 peserta
3. Muzik ...	260 kursus	13,000 peserta
4. Kemahiran Seni Lukis Penulisan dan per- tukangan	289 kursus	14,450 peserta
5. Permainan Asli Seni Silat	15 kursus	750 peserta
Jumlah termasuk tahun 1975	900 kali	45,000 peserta

Di dalam bidang sukan pula sejak 1971, jumlah 468 kursus sukan telah dijalankan bagi permainan sepakbola, hoki, badminton, sepaktakraw, ping pong, bola tampar, tinju, renang, basikal, ragbi, tenis, olahraga dan angkat berat. Jumlah peserta kursus ialah 10,980 orang. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama badan-badan Sukan Kebangsaan, Negeri atau Daerah yang berkaitan.

Di dalam bidang Belia semenjak 1971 hingga 1974 kursus-kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Kursus	Bilangan	
	Kursus	Peserta
1. Kursus Kepimpinan ...	211	13,226
2. Kursus Kemahiran ...	732	18,841
3. Kursus Khas ...	29	3,556

(b) Adalah menjadi dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi segala bantuan dan bimbingan kepada pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan belia yang ditubuhkan dengan sah di sisi undang-undang. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak bercadang untuk membelakangkan mana-mana pertubuhan atau Majlis-majlis Belia yang mempunyai ahli-ahli dan mendapat sokongan daripada belia-belia. Berhubung dengan Majlis Belia Malaysia pula, satu Jawatankuasa yang telah dibentuk oleh Majlis Belia itu sendiri sedang mengkaji kedudukannya sekarang. Jadi saya tidak ada apa-apa hendak diterangkan pada masa ini sehingga hasilnya telah selesai.

KAJIAN PERTANIAN DI BATANG ANAP, DAERAH BINTULU

20. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan Persekutuan akan membuat kajian kemungkinan menjalankan pertanian di kawasan pendalaman Batang Anap di Daerah Bintulu untuk menentukan samada kawasan-kawasan ini subur dan sesuai bagi pembangunan pertanian dengan cara besar-besaran dan jenis-jenis tanaman yang patut ditanam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang diberi oleh Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak, kajian akan dijalankan dengan bantuan Canadian International Development Agency dalam tahun 1975 dan 1976.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 58 adalah diberi di bawah ini).

LALULINTAS DI BANDARAYA

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya, selepas kajian dibuat oleh

Dewan itu atas masaalah lalulintas di ibukota, untuk merancang satu sistem lalulintas yang lebih mudah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Ibukota.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Dewan Bandaraya dengan kerjasama Kementerian Kerjaraya dan Pengangkutan sedang berusaha memperbaiki sistem lalulintas di bandaraya. Di dalam kontek ini design yang detail telahpun ada untuk pengaliran lalulintas yang lebih licin antara Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Kerja-kerja untuk memperbaiki sistem lalulintas pusat bandaraya akan dijalankan dengan seberapa segera bagi maksud untuk mengelakkan lalulintas bertumpu kepada sesuatu tempat sahaja dan juga memberi keutamaan kepada sistem pengangkutan awam. Kerajaan berpendapat rancangan pengangkutan di kawasan Kuala Lumpur diberi keutamaan kepada pengangkutan awam dan menghadkan penggunaan kereta-kereta persendirian. Bagi mencapai matlamat ini pembinaan lebuh raya dan lorong-lorong keutamaan (priority lanes) bagi pengangkutan awam akan dilaksanakan.

Dewan Bandaraya akan menubuhkan satu unit kawalan lalulintas untuk pengawalan lalulintas yang lebih licin dan berkesan dan memperkemaskan Bahagian Kejuruteraan Lalulintas Dewan Bandaraya.

Langkah-langkah lain bagi mengurangkan kesesakan lalulintas telahpun diumumkan baru-baru ini seperti penggunaan bas-bas kecil (mini-buses) yang mana ini akan memudahkan pengangkutan dan penggunaan kereta-kereta persendirian.

TALIPON UMUM

22. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) jumlah talipon-talipon yang telah dipasang di Kuala Lumpur setakat ini dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengadakan lebih banyak lagi talipon-talipon awam di Kuala Lumpur; dan

(b) samada beliau sedar tentang kekurangan talipon-talipon awam di Hospital Besar Kuala Lumpur untuk kegunaan orangramaj dan samada Kerajaan akan menambahkan bilangan talipon-talipon awam di hospital tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Ada sebanyak 189 buah talipon umum di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang telah dipasang. Keperluan-keperluan talipon umum adalah dikaji dari masa kesemasa dan di mana didapati bahawa keperluan itu menasabah maka talipon umum itu dipasang. Beberapa tahun kebelakang ini talipon-talipon umum banyak mengalami kerosakan disebabkan dari perbuatan yang tidak bertanggungjawab atau "vandalism". Pemasangan talipon umum adalah berkurangan sedikit oleh kerana sebilangan besar alat-alat talipon umum ini telah digunakan untuk mengganti alat-alat yang rosak itu. Dari Jumlah 189 talipon umum itu, lebih kurang 67 darinya telah ditarik balik perkhidmatannya, kerana tidak boleh lagi diperbaiki dan alat-alat ini perlu diganti.

Walau bagaimanapun, untuk memperbaiki lagi perkhidmatan talipon umum kepada orangramai, Jabatan Talikom telah mengikat perjanjian dengan sebuah syarikat tempatan (Uniphone Sdn. Bhd.) di mana syarikat tersebut akan memelihara perkhidmatan talipon-talipon umum dan juga mengadakan talipon-talipon baru di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu oleh Jabatan Talikom. Perjanjian ini telah dikuatkuasakan mulai dari 1-1-75, tetapi pada peringkat permulaan ini ia hanya meliputi kawasan-kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja. Sekiranya Sekim ini membuktikan kejayaan, ianya mungkin akan diperluaskan untuk meliputi kawasan-kawasan lain.

- (b) Ada sebanyak (6) enam talipon umum di Hospital Besar Baru dan dua (2) di Hospital Bersalin, Kuala Lumpur. Talipon-talipon umum ini bertempat seperti berikut:

Hospital Besar

- (i) Dua (2) di tingkat bawah di Pintu Besar Masuk.
- (ii) Satu (1) di hadapan "Lift" ditiaptiap tingkat 2, 3 dan 4.
- (iii) Satu (1) di tingkat bawah di pintu masuk "Admission Room (Casualty)".

Hospital Bersalin

- (i) Satu (1) di tingkat bawah di Pintu Besar Masuk.
- (ii) Satu (1) di Wad "Maternity" di tingkat 4.

Oleh kerana alat-alat talipon umum baru yang dipesan oleh Jabatan Talikom sekarang sudah mula sampai, tindakan telah diambil untuk mengadakan banyak lagi talipon-talipon umum di kedua-dua hospital tersebut.

PELAJAR DAYAK DI I.T.M.

23. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah tempat-tempat yang diberi kepada pelajar-pelajar keturunan Dayak oleh I.T.M. semenjak 5 tahun yang lalu.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Bilangan pelajar-pelajar keturunan Dayak di I.T.M. sejak 5 tahun yang lalu ialah seramai 112 orang.

PERKHIDMATAN TALIPON DI DAERAH TALIPOK

24. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa permohonan untuk perkhidmatan talipon bagi Daerah Talipok sudah 10 tahun tidak juga diluluskan. Bila nyatakan sebab-sebab mengapa Daerah talipok tidak diberikan perkhidmatan talipon pada hal kawat dari Menggatal ke Tuaran adalah melalui Telipok.

Tan Sri V. Manickavasagam: Jabatan Talikom adalah sedar tentang keperluan yang sedikit untuk perkhidmatan talipon di Daerah Telipok. Sebenarnya, ada lima penunggu dalam rekod Jabatan Talikom, Sabah. Walaupun Jabatan ini sedang menimbang untuk memberi perkhidmatan kepada penunggu-penunggu ini, tetapi kebel seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. yang melalui Daerah Telipok dari Menggatal kepada Tuaran, tidak boleh dipakai oleh sebab kebel ini adalah "junction cable" yang khas untuk ibusawat-ibusawat talipon di Inanam dan Tuaran. Juga, tiada pasangan-pasangan kebel (cable pairs) yang berlebihan dalam kebel ini yang boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada bakal pelanggan di Telipok.

Namun demikian, Jabatan ini sedang menimbang untuk membekalkan terusan radio (radio links) di antara Kota Kinabalu/Inanam dan Kota Kinabalu/Tuaran. Sekiranya sekim ini berjaya, maka ada kemungkinannya untuk menimbang menggunakan kebel junction tersebut (yang menjadi berlebihan akibat dari kaedah pekerjaan baru) untuk memberi perkhidmatan kepada penunggu-penunggu di Daerah Telipok.

Walau bagaimanapun, Jabatan Talikom akan berusaha untuk memberi perkhidmatan kepada penunggu-penunggu ini.

JALAN DARI PARIT KE KAMPUNG GAJAH—TELOK SENA

25. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan bercadang membesarkan jalan dari Parit ke Kampung Gajah dan Parit ke Telok Sena memandangkan jalan yang ada sekarang ini terlalu sempit dan buruk dan keadaan lalulintas semakin bertambah sibuk.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalan Negeri. Saya adalah diberitahu bahawa rancangan untuk membesarkan jalan tersebut telah dimasukkan di dalam rancangan jalan-jalan luarbandar di bawah Rancangan Malaysia Kedua, tetapi tidak dapat dilaksanakan memandangkan keutamaan-keutamaan kepada projek-projek yang lain. Jika Ahli Yang Berhormat berminat terhadap perkara ini terpulanglah kepada beliau untuk mengemukakan perkara ini kepada Majlis Tindakan Negeri Perak untuk dipertimbangkan.

TANAH KERAJAAN TIDAK DIUSAHAKAN

26. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak tanah-tanah Kerajaan yang telah diberikan kepada orang-orang perseorangan atau sektor swasta sejak belum Merdeka telah tidak ditanam atau sengaja dibiarkan oleh mereka, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengambil kembali tanah-tanah tersebut dan kemudian dapat dibahagikan kepada mereka yang tidak bertambah.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Saya sedar bahawa mungkin terdapat tanah-tanah Kerajaan yang telah diberikan kepada orang-orang perseorangan atau sektor swasta sejak belum Merdeka yang tidak ditanam atau diusahakan oleh mereka.

Seksyen 127 Kanun Tanah Negara membolehkan tindakan merampas dimulakan menurut Seksyen 128 atau 129 bagi sekeping tanah milik jika tuan tanah tidak menurut kehendak syarat pemilikan tanah itu. Tetapi oleh kerana kekurangan tenaga pegawai-pegawai terutama pegawai penempatan yang perlu memeriksa tiap-tiap keping tanah itu, maka tindakan untuk merampas tanah-tanah yang belum lagi ditanam (dijayakan), tidak ditanam dengan sepenuhnya atau tanamannya tidak dijaga dengan memuaskan, tidaklah dijalankan, bahkan dibiarkan begitu sahaja. Jumlah kes-kes ini adalah dianggap banyak juga jumlahnya. Jika soalan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud menimbulkan kerdudukan pelaksanaan tugas-tugas ini, maka bolehlah dinyatakan oleh kerana kekurangan tenaga pegawai di Pejabat Tanah ianya tidak dapat dijalankan dengan pesat.

Jika soalan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud tanah milik yang tidak dijayakan itu diambil kembali (compulsorily acquired under the Land Acquisition Act, 1960) dan diberi milik kepada orang lain, maka jawapan yang sesuai ialah Kerajaan tidak ada kuasa di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960 untuk mengambil balik sekeping tanah dengan sebab tuan tanah telah gagal menayakan (menanam pokok-pokok, mendirikan bangunan dan sebagainya). Tetapi undang-undang tersebut membolehkan tanah milik diambil balik untuk:

- (a) bagi apa-apa kegunaan awam; atau
- (b) oleh seseorang atau perbadanan yang menjalankan satu-satu pekerjaan yang pada pandangan Pehak Berkuasa Negeri adalah bagi kegunaan awam; atau
- (c) bagi tujuan perlombongan, kediaman, pertanian atau perniagaan dan tujuan-tujuan perusahaan.

ABDUL RAZAK—BANTAHAN MAJLIS PEGUAM

27. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara samada beliau telah menerima bantahan daripada Majlis Peguam (Bar Council) Penang, Johore, Selangor, Malaysia dan lain-lain mengenai penahanan Encik Abdul Razak, seorang Peguam. Jika ada, apa tindakan telah diambil terhadap bantahan tersebut.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tiada apa-apa bantahan telah dialamatkan kepada saya oleh Majlis-majlis Peguam yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun memberi jawapan yang sesuai dalam akhbar mengenai tomah-tomahan tertentu berkenaan dengan perkara ini, Ahli Yang Berhormat patutlah lebih sedar atas keadaan yang sebenar.

MERINYU KESIHATAN UMUM

28. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Merinyu-merinyu Kesihatan Umum di seluruh Malaysia tidak berpuashati dengan gaji mereka dan jika sedar, apakah tindakan-tindakan beliau telah ambil atau akan ambil untuk meninggikan gaji Merinyu-merinyu Kesihatan Umum.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian Kesihatan tidak menerima sebarang rungutan dari pihak Inspektor Kesihatan mengenai kedudukan gaji mereka sekarang. Walau bagaimanapun jika mereka tidak puashati dengan gajinya mereka bolehlah mengemukakan Memorandumnya kepada Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali untuk pertimbangan Suruhanjaya itu.

MATAWANG MALAYSIA/SINGAPURA

29. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa matawang Malaysia dan matawang Singapura tidak mempunyai nilai yang sama. Jika benar, apakah sebab-sebabnya.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Adalah benar bahawa matawang Malaysia dan matawang Singapura tidak mempunyai nilai yang sama jika dibandingkan, misalnya, dengan nilai matawang Amerika. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan mengikut nilai emas kedua-dua matawang ini adalah sama, iaitu \$1 wang Malaysia atau \$1 wang Singapura bersamaan dengan 0.290299 gram emas. Sebelum Mei 1973, kedua-dua matawang ini mempunyai nilai yang sama mengikut nilai emas dan juga mengikut nilai matawang Amerika dan lain-lain nilai matawang. Ini ialah kerana Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura telah membuat persetujuan untuk memudahtukan matawang Malaysia dengan matawang Singapura, iaitu \$1 matawang Malaysia adalah sama dengan \$1 matawang Singapura di dalam pasaran pertukaran wang luar di Malaysia dan Singapura. Pada bulan Mei 1973 Kerajaan telah membuat keputusan menamatkan persetujuan mudahtukan matawang dengan Kerajaan Singapura. Ini bermakna, matawang Singapura dianggapkan sebagai matawang luar yang lain dari segi ringgit Malaysia. Dalam ertikata, kadar pertukaran wang di antara ringgit Malaysia dan dollar Singapura bergantung kepada permintaan dan penawaran bagi matawang Singapura di pasaran pertukaran wang luar di Kuala Lumpur.

PERSIDANGAN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA/BRITISH BORNEO

30. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan berapa lamakah satu-satu Persidangan Matawang bagi Negeri-Negeri Borneo, Malaysia dan Singapura diadakan dan bila ianya diadakan. Pernahkah perkara mudahtukan (interchangedability) matawang antara negeri-negeri ini dibincangkan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Pada pengetahuan saya tidak ada sebarang Persidangan Kewangan bagi Negeri-negeri Borneo, Malaysia dan Singapura sedang diatur. Jika apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu Persidangan Lembaga Pesuruhjaya Matawang, Malaya dan British Borneo, Persidangan seperti ini akan diadakan jika perlu.

Perkara mudahtukar matawang di Malay-sia, Singapura dan Brunei tidak pernah dibincangkan terlebih dahulu di dalam Per-sidangan Lembaga Matawang kerana per-kara tersebut adalah di bawah persetujuan mudahtukar matawang yang berasingan di antara ketiga-tiga negeri-negeri itu. Per-setujuan ini ditamatkan pada bulan Mei, 1973.

TEKSI—HAD PENUMPANG

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kerjaraya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau akan menimbang membenarkan had empat orang penumpang dijadikan 5 untuk sesebuah teksi supaya tambang teksi boleh dikurangkan dan pemilik teksi juga boleh mendapat pendapatan yang lebih sedikit.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Perkara ini telah dikaji dengan teliti dan Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu, kerana memandangkan keselamatan penumpang-penumpang dan juga keselamatan lalulintas yang lain.

JALAN GEDONG/ENSENGEI—PEMBINAAN

32. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Kerjaraya dan Pengangkutan menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk membina dan memperbaiki jalan-jalan menuju ke kawasan-kawasan luarbandar di Daerah Serian dan jika ya, berapa banyak wang yang telah diuntukkan dalam tahun 1975 dan selama lima tahun yang berikutan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya telah difahamkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, peruntukan-peruntukan telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembinaan/pembaikan Jalan Gedong dan Jalan Ensengai di Daerah Serian. Jalan Gedong telahpun disiapkan kecuali jambatan-jambatan yang mana peruntukan sebanyak \$443,999 telah disediakan dalam tahun 1975. Pembaikan Jalan Ensengai akan dimulakan pada tahun 1975 dengan peruntukan sebanyak \$50,000.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga jalan-jalan (feeder roads) Baki/Riih dan Tebedu/Tebat di Daerah Serian adalah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam

cadangan-cadangan jalan yang akan dibina-kan. Jumlah peruntukan bagi jalan-jalan ini belum dapat ditentukan sehingga kelulusan bagi projek-projek ini didapati.

KESIHATAN PENDUDUK LUAR BANDAR

33. Tuan Sibot anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya menitikberatkan peninggian taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar. Di Sarawak, Kementerian saya sedang melakanakan berbagai-bagai rancangan kesihatan untuk mencapai matlamat ini. Antara rancangan ini ialah:

- (1) Rancangan Pengawalan Penyakit Tibi.
- (2) Rancangan memperbaiki Kesihatan Luar Bandar.
- (3) Rancangan Pengawalan Malaria.
- (4) Loji kerja-kerja Iodisation terhadap garam.
- (5) Perkhidmatan Kesihatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak.
- (6) Klinik Pergigian Bergerak.
- (7) Perkhidmatan Pergigian di Sekolah-sekolah.

Di bawah rancangan "Rural Health Improvement Scheme", Kementerian saya telahpun membina projek-projek "Rural Water Supply and Latrine" seperti berikut:

1972	31 projek
1973	29 projek
1974	94 projek

Rancangan ini akan dipercepatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Keutamaan juga telah diberi untuk memperluaskan kawasan perkhidmatan di bawah Rancangan Kesihatan Luar Bandar dengan pembinaan pusat-pusat kesihatan, sub-dispensaries dan dispensari bergerak terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak mendapat apa-apa perkhidmatan sebelumnya.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, 17 buah Pusat Kesihatan Kecil, 22 Klinik Pergigian dan 17 Dispensari Bergerak telahpun

dibina sehingga hari ini. Pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua, 4 buah lagi Pusat Kesihatan Kecil, 1 Sub-Dispensari, 8 Travelling Dispensari dijangka akan disiapkan.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, sebuah hospital akan dibina di Serian yang dijangka akan disiapkan pada tahun hadapan. Sebuah lagi hospital telah diluluskan untuk pembinaannya di Saratok yang akan dimulakan pada awal Rancangan Malaysia Ketiga. Satu lagi hospital akan dibina di Limbang. Pembinaan hospital di Limbang dijangka akan bermula pada tahun ini juga.

Di bawah rancangan memperbaiki Hospital-hospital, 8 buah hospital telah diperbaiki dan sejumlah 200 buah katil tambahan telahpun di adakan.

Kementerian saya juga telah memperkenalkan "Flying Doctors Services" dengan tujuan memberi perkhidmatan perubatan kepada orang-orang di dalam kawasan pedalaman.

PEPERIKSAAN L.C.E./S.R.P.— KEPUTUSAN

34. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab setengah-setengah sekolah di Pulau Pinang menerima keputusan peperiksaan L.C.E. tahun 1974 selepas sekolah-sekolah tersebut dibuka semula pada tahun ini dan nyatakan bilangan sekolah-sekolah di Malaysia Barat yang terlibat seperti sekolah-sekolah tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Sebenarnya Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, telah mengirimkan keputusan Peperiksaan S.R.P./L.C.E. tahun 1974 ke semua sekolah yang berkenaan di Semenanjung Malaysia pada 26hb Disember, 1974, iaitu 11 hari sebelum sekolah-sekolah dibuka untuk tahun persekolahan 1975. Oleh itu semua sekolah-sekolah yang berkenaan itu seharusnya sudah menerima keputusan-keputusan tersebut sebelum sekolah dibuka semula bagi tahun persekolahan yang baru itu.

PENGILANG MINUMAN/ PEMBORONG—KEUNTUNGAN

35. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) samada beliau sedar tentang keuntungan besar oleh perusahaan minuman

rengan dan pemborong yang memaksa pengguna-pengguna membayar untuk minuman-minuman yang lebih mahal;

(b) menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang untuk mengatur harga runcit untuk minuman rengan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

(a) Setahu saya tidak ada keuntungan yang berlebihan yang diambil oleh pengilang-pengilang minuman rengan dan pemborong-pemborong. Mengikut kajian Kementerian ini di satu pengilang yang terbesar di Malaysia ini hanya mendapat keuntungan purata sebanyak lebih kurang 6.6% dan pemborong hanya mendapat keuntungan kasar sebanyak 10% sebotol.

(b) Kementerian saya sedang menimbang dan mengkaji berkenaan dengan perkara ini.

TALIPON—PERKHIDMATAN DI SIBU

36. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Perhubungan menyatakan oleh kerana keupayaan perkhidmatan talipon di Sibu sekarang sungguh tidak mencukupi, bilakah dawai-dawai talipon tambahan dan perkakas tambahan akan dipasang dan disempurnakan untuk faedah masyarakat perniagaan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Muatan Ibusawat Talipon Sibu sekarang ialah 3,000 talian. Pesanan untuk 3,000 talian lagi telah dibuat dan alat-alat ini telah mula sampai dan adalah dijangkakan bahawa pemasangan akan bermula pada pertengahan tahun 1975, dan dijangkakan akan siap dalam pertengahan tahun 1976. Pesanan-pesanan ini akan termasuk alat-alat tambahan untuk memberi kemudahan terus mendail (subscribers trunk dialing facilities) yang akan membolehkan pelanggan-pelanggan talipon di Sibu mendail terus (tanpa melalui operator) kepada pelanggan-pelanggan di Ibusawat-ibusawat Talipon Kuching, Limbang, Miri dan Simanggang. Kemudahan terus mendail ke Ibusawat Bintulu akan mungkin apabila ibusawat ini (Bintulu) ditukarkan kepada Jenis Angka Silang (Cross-bar Type) pada awal tahun 1977. Tambahan pula, Jabatan Talikom sekarang merancang

untuk menambah lagi muatan Ibusawat Sibul dengan lagi 3,000 talian, iaitu ibusawat ini akan berjumlah sebanyak 9,000 talian. Pesanan untuk alat-alat dijangkakan dibuat pada awal tahun 1976.

MUSUH-MUSUH TANAMAN

37. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membasmi musuh-musuh tanaman seperti tikus dan serangga yang menyerang tanaman padi di negara ini terutama sekali di Kelantan yang menyebabkan berjuta-juta gantang padi musnah setiap tahun; dan
- (b) apakah rancangan-rancangan Kerajaan dalam usahanya memulihkan semula tanah-tanah paya di Kelantan terutama sekali di daerah-daerah Bachok dan Pasir Puteh bagi mengeluarkan berjuta-juta gantang padi.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Kerajaan memang sentiasa mempunyai rancangan untuk membasmi musuh-musuh tanaman seperti tikus dan serangga. Rancangan-rancangan ini merupakan nasihat, bantuan dan kempen-kempen mengawal musuh-musuh tersebut. Ada kalanya, seperti di Negeri Kelantan, Jabatan Pertanian sendiri mengawal kerosakan-kerosakan yang besar yang tidak dapat dikawal oleh petani-petani sendiri.
- (b) Tanah-tanah paya di Daerah Bachok dan Pasir Putih meliputi satu kawasan yang luas. Adalah mustahak diadakan "Pre-Investment Studies" untuk menentukan kemungkinan kawasan itu ditanam dengan padi. Jika keadaan kewangan mengizinkan, kajian ini mungkin dapat dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

SYILING—KEKURANGAN

38. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar tentang masalah rakyat kerana kekurangan wang syiling; jika ya, nyatakan langkah yang telah diambil supaya keadaan ini dapat diatasi.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya telah memberi jawapan kepada soalan yang sama yang dibangkitkan di Dewan ini pada 1hb April dan tiada apa-apa yang hendak saya tambah selanjutnya pada peringkat ini.

KURSUS BAHASA CHINA DI MAKTAB PERGURUAN, SARAWAK

39. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan satu kursus latihan perguruan China di Maktab Latihan Guru Batu Lintang di Kuching dan Maktab Latihan Guru Rejang di Binatang.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kursus Bahasa China akan diadakan di kedua-dua buah Maktab Perguruan di Sarawak dalam rancangan latihan yang dipersatukan yang di mulakan pada tahun ini bagi guru-guru yang akan mengajar di sekolah-sekolah China.

PENUNTUT BUMIPUTRA— KELULUSAN TEKNIK DI I.T.M.

40. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut Bumiputra yang telah mendapat kelulusan teknik menerusi I.T.M. (Institusi Teknologi MARA) serta bilangan graduan yang diambil berkerja dengan Kerajaan dan Sektor Awam.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan penuntut-penuntut Bumiputra yang telah mendapat kelulusan teknik menerusi I.T.M. dari tahun 1964-1974 ialah 547 orang.

Bilangan graduan yang berkerja dengan Kerajaan dan Sektor Awam, tidak dapat diberikan kerana rekod berkenaan tidak ada dalam simpanan.

PROFESSOR SYED HUSIN ALI— PENAHANAN

41. Tuan Lim Kit Siang meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi alasan-alasan rasmi atas penahanan Professor Syed Husin Ali dan menyatakan kenapakah Kerajaan tidak memberi beliau pembicaraan terbuka atau membebaskan beliau.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Professor Syed Husin Ali adalah ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana tindakan-tindakannya yang mengancam keselamatan dalam negeri. Sebagaimana yang telah diterangkan bertalutalu di dalam Dewan ini, mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak ada peruntukan bagi seseorang yang ditahan di bawah Akta ini dibicarakan di mahkamah. Pembebasan Dr Syed Husin terpulung kepada Dr Syed Husin sendiri. Apabila beliau dapat memberi keyakinan bahawa ia tidak akan bertindak mengancam keselamatan dalam negeri maka pada ketika itu juga dia akan dibebaskannya.

ANNUAR IBRAHIM—PENAHANAN

42. Tuan Lim Kit Siang meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi alasan-alasan rasmi atas penahanan Encik Annuar Ibrahim dan mengapa beliau tidak didakwa di Mahkamah terbuka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Encik Annuar Ibrahim adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana tindakan-tindakannya yang mengancam keselamatan negara.

Mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, tidak ada peruntukan bagi seseorang yang ditahan di bawah seksyen 8 Akta itu dibicarakan di mahkamah.

JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG

43. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kementerian beliau bercadang membentuk sebuah Lembaga Kemajuan Kampung (Village Development Authority) bagi tujuan-tujuan yang berikut:

- (a) membentuk semula cara kehidupan kampung;
- (b) memperbaiki sistem parit dan kebersihan;
- (c) mengadakan kemudahan-kemudahan hiburan yang lebih baik; dan
- (d) membesarkan lagi kawasan kampung-kampung.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Baru-baru ini Kerajaan telah mengarahkan semua Kampung-kampung Baru menerusi Kerajaan Negeri supaya menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Tujuan menubuhkan Jawatankuasa tersebut ialah untuk mengendalikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya itu. Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan ditugaskan untuk mengkaji dan merancang apa-apa juga projek pembangunan di Kampung-kampung Baru mereka dan hasil kajian dan rancangan mereka itu akan dikemukakan kepada Kementerian ini untuk mendapatkan pertimbangan. Jika didapati bahawa rancangan-rancangan itu sesuai dan munasabah, akan diberi kelulusan dan bantuan wang untuk melaksanakannya. Keadaan ini adalah selaras dengan keadaan dan tugas Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung, yang lain. Oleh yang demikian, Kementerian tidaklah bercadang hendak membentuk sebuah Lembaga Kemajuan Kampung (Village Development Authority) bagaimana yang dimaksudkan itu, pada masa ini.

KEKOTORAN UDARA

44. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki lagi alam sekitar di kampung-kampung dan bandar yang sekarang ini dalam keadaan kotor; dan
- (b) langkah-langkah saintifik yang sekarang diambil untuk mencegah kekotoran udara.

Datuk Ong Kee Hin:

- (a) Soalan ini adalah terlalu am untuk membolehkan saya memberi jawapan yang tertentu. Sepanjang yang saya ketahui, pada amnya keadaan alam sekitar di kampung-kampung dan di bandar-bandar adalah memuaskan. Jika Ahli Yang Berhormat boleh menyebut kes-kes yang tertentu, saya akan menyelidikinya.

Bagaimanapun, keadaan alam sekitar di kampung-kampung dan di bandar-bandar boleh diperbaiki lagi dengan adanya pentadbiran Kuasa Tempatan

yang lebih berkesan. Adalah diharap peraturan semula Kuasa-kuasa Tempatan yang dijalankan sekarang akan menghasilkan ini.

- (b) Langkah-langkah sedang diambil untuk menyediakan standad-standad bagi pelepasan-pelepasan pencemaran ke udara untuk membolehkan kawalan dan pencegahan pencemaran dilakukan dengan teratur.

Sementara itu, Kementerian saya juga telah berkerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, Cawangan Terafik Polis Di Raja, dan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji serta melakukan ubahsuai kepada Aturan-aturan (Pengawalan Pengeluaran Asap dan Gas) Bagi Kereta-kereta Motor, 1974 yang dibuat mengikut Seksyen 57, Ordinan Lalulintas Jalan No. 49/58. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan kawalan yang lebih berkesan ke atas pelepasan daripada kenderaan bermotor.

TEKSI BAGI BEKAS-BEKAS POLIS

45. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan bekas-bekas Polis yang:

- (a) mempunyai lesen-lesen teksi;
 (b) telah meneroka dalam rancangan tanah Kerajaan seperti FELDA dan lain-lain; dan
 (c) telah mendapat pekerjaan di kalangan swasta.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Bilangan bekas-bekas Polis yang mempunyai lesen-lesen teksi adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1973	148 orang
1974	525 orang

Perangkaan bagi tahun-tahun sebelum tahun 1973 tidak dapat disediakan oleh kerana tiada butir-butir lengkap mengenainya.

Bagaimanapun adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada permohonan bekas-bekas anggota Pasukan Keselamatan yang ter-

masuk juga bekas-bekas Polis yang mempunyai kelayakan tertentu untuk mendapatkan lesen-lesen teksi.

- (b) Bilangan bekas-bekas Polis yang telah meneroka dalam rancangan FELDA adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1973	145 orang
1974	485 orang

Perangkaan bekas-bekas Polis yang menjadi peneroka rancangan tanah FELDA sebelum tahun 1973 tidak dapat disediakan oleh kerana pada ketika itu pemohon-pemohon dari bekas-bekas Polis tidak diasingkan dari pemohon-pemohon awam yang lain. Walau bagaimanapun FELDA memberi quota sebanyak 20% bagi bekas-bekas Pasukan Keselamatan yang termasuk bekas-bekas Polis dalam rancangan tanah mereka.

Bagi lain-lain rancangan, sejak tahun lima puluhan 6,560 bekas-bekas Polis Khas telah diberi bantuan wang \$1,500 seorang untuk memajukan tanah yang tidak kurang dari 4 ekar seorang.

- (c) Adalah sangat sukar untuk mendapat perangkaan mengenai bilangan bekas-bekas Polis yang mendapat pekerjaan di kalangan swasta. Tetapi Kementerian sekarang sedang membuat aturan supaya semua bekas-bekas Polis yang mendapat pekerjaan di swasta dicatitkan nama mereka dengan Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia.

PELAJARAN BAHASA IBUNDA

46. **Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalakkan lagi pengajian yang berkesan bahasa ibunda orang-orang bukan Melayu, terutamanya orang-orang China dan Tamil di luar waktu sekolah;
 (b) bagaimanakah Kementerian bercadang mengajar bahasa Kebangsaan dengan lebih berkesan lagi;
 (c) adakah Kementerian itu sebarang rancangan untuk meninggalkan pengajian bahasa-bahasa Barat; dan

(d) bagaimana mustahaknya Kerajaan memberi perhatian terhadap pengajian bahasa-bahasa tempatan.

Dr Mahathir bin Mohamad:

(a) Pelajaran bahasa ibunda orang-orang bukan Melayu terutamanya orang-orang China dan Tamil di luar waktu sekolah adalah menjadi tanggungjawab utama ibubapa dan masyarakat itu sendiri.

(b) Langkah yang paling penting ialah dengan perlaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) secara berperingkat-peringkat yang telah dimulakan pada tahun 1970. Pihak Kementerian juga menubuhkan sebuah Unit Bahasa untuk menyalurkan pengajaran Bahasa Malaysia yang lebih berkesan. Ini dilakukan dengan memberi peruntukan masa yang lebih terhadap pengajaran bahasa; penyelidikan, penilaian dan menyemakan semula sukatan pelajaran dan nota-nota pengajaran; penyediaan bahan-bahan pengajaran dan latihan-semula guru-guru untuk mengajar Bahasa Kebangsaan dan mengajar di dalam Bahasa Kebangsaan.

(c) Tidak. Sebaliknya pihak Kementerian menggalakkan pengajian bahasa-bahasa Barat yang dianggap penting terutama Bahasa Inggeris sebagai satu mata-pelajaran di sekolah-sekolah.

(d) Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian terhadap pengajian bahasa-bahasa tempatan. Di peringkat sekolah rendah, Kerajaan memberi kemudahan bagi murid-murid belajar menerusi bahasa-bahasa pengantar; Bahasa Malaysia, China atau Tamil. Sementara di peringkat sekolah menengah pula, kemudahan-kemudahan untuk mempelajari Bahasa-bahasa China atau Tamil disediakan juga apabila ada permintaan tidak kurang daripada 15 orang ibubapa di sesuatu tingkatan.

SIJIL BERANAK YANG TIDAK BERNAMA

47. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa banyak rakyat Sabah yang mempunyai Sijil Beranak yang tidak bernama;

(b) jumlah bilangan mereka yang memiliki Sijil Beranak yang tidak bernama itu; dan

(c) samada Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membolehkan mereka mendaftar semula nama-nama mereka ke dalam Sijil-sijil Beranak itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

(a) Ya.

(b) Siasatan telahpun dijalankan tetapi belum lagi diselesaikan. Dengan yang demikian bilangan mereka yang terlibat tidak dapat ditentukan lagi.

(c) Suatu tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah itu apabila siasatan itu selesai dijalankan.

DATUK JAMES WONG—PENAHANAN

48. Tuan Lim Kit Siang meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan alasan yang rasmi atas penahanan Datuk James Wong Kim Min di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan samada beliau sedar penahanan semula Datuk James Wong Kim Min selepas ia dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Sarawak atas Writ Habeas Corpus telah melemahkan prinsip kedaulatan undang-undang dalam negeri ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Datuk James Wong adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana tindakan-tindakannya yang mengancam keselamatan dalam negeri.

Keputusan Mahkamah Tinggi Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berhubung dengan tangkapan dan tahanan Datuk James di bawah Preservation of Public Security Ordinance. Tahanan semula yang dilakukan adalah mengikut undang-undang, dengan itu soal melemahkan prinsip kedaulatan undang-undang tidak timbul.

AZAN MAGHRIB—TAYANGAN FILEM

49. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan:

(a) samada Kementerian ini bercadang untuk mengarahkan TV Malaysia menayangkan filem-filem bercorak ke-ugamaan sewaktu masa azan Maghrib

dan tidak menayangkan filem-filem mengenai kereta dan motosikal seperti sekarang; dan

- (b) samada Kementerian ini sedar bahawa pembaca-pembaca Quran di TV sekarang tidak beberapa fasih dan lancar dalam bacaannya, dan jika ya, samada beliau akan menimbang mengambil pembaca-pembaca yang lebih baik memandangkan kepada banyaknya sugutan dari orang ramai.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):

- (a) Kementerian ini telahpun mengambil langkah-langkah supaya menayangkan filem-filem bercorak keagamaan sewaktu masa azan Maghrib. Gambar-gambar yang ditunjukkan pada masa itu diubah dari satu masa ke satu masa. Filem ini dibuat setelah Kementerian ini berunding dengan Majlis Ugama Islam Malaysia.
- (b) Soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum. Bagaimanapun kalau ada kes-kes yang tertentu, harap Ahli Yang Berhormat dapat beritahu Kementerian ini supaya langkah-langkah boleh diambil.

PETI TALIVISYEN DI SEKOLAH-SEKOLAH

50. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan peti-peti talivisyen yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah; dan
- (b) berapa banyak yang telah hilang dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Sebanyak 5,273 buah peti talivisyen telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia setakat ini.
- (b) Laporan tentang kehilangan peti talivisyen telah diterima daripada sepuluh (10) buah sekolah dalam tahun 1974 dan satu lagi dalam tahun 1975. Mengikut peraturan yang biasa mengenai kehilangan harta benda awam, semua kes-kes ini telah dilaporkan kepada pihak polis untuk membuat penyiasatan. Dua (2) buah peti talivisyen yang telah dihilangkan itu telah dapat di kesan semula oleh pihak Polis.

Kementerian juga telah memberi arahan kepada semua Guru-guru Besar sekolah supaya mengambil polisi insuran atas harta benda kerajaan yang bernilai.

GURU-GURU BAHASA TIONGHUA KURANG

51. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kekurangan guru-guru untuk mengajar bahasa Tionghua di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, jika ya, nyatakan bilangan untuk tahun 1974 dan 1975;
- (b) jumlah bilangan orang-orang yang memohon untuk jawatan-jawatan yang kosong tersebut;
- (c) jumlah bilangan orang-orang yang telah ditemuduga;
- (d) jumlah bilangan orang-orang yang berjaya di dalam temuduga tersebut; dan
- (e) jumlah bilangan orang-orang yang berjaya di dalam temuduga itu yang telah mendapat pendidikan mereka di Universiti Nanyang atau Universiti-universiti Negeri China Kebangsaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Ia, saya sedar. Saya berasa dukacita kerana tidak dapat memberi butir-butir keterangan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah kekurangan guru-guru untuk mengajar Bahasa Tionghua di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan untuk tahun 1974 dan 1975 serta butir-butir keterangan yang dikehendaki menurut soalan-soalan (b), (c), (d) dan (e) kerana Kementerian tidak menyimpan butir-butir keterangan tersebut dan perlu diperolehi daripada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan. Keterangan-keterangan tersebut akan dikemukakan kelak kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru-guru untuk mengajar Bahasa Tionghua di sekolah-sekolah tersebut yang tidak dapat dipenuhi oleh guru-guru terlatih adalah diisikan oleh guru-guru sementara yang dipilih oleh Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing. Kelas-kelas bahasa ibunda iaitu bahasa China adalah pula diajar oleh guru-guru sambilan (part-time) iaitu guru-guru terlatih dari Sekolah-sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan guru-guru sementara (tidak terlatih) yang juga dipilih oleh Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing.

BOLA KERANJANG—PERTANDINGAN

52. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar bahawa semasa pembukaan rasmi pertandingan persahabatan bola keranjang di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia yang telah diadakan di Stadium Negara pada malam 25hb November, 1974, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menyebutkan nama Republik Rakyat China sebagai Republik China dan kesilapan di dalam penyebutan nama tersebut telah merosakkan imej negara kita. Nyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk membetulkan kesilapan tersebut.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar akan perkara ini. Kesilapan sebutan ini adalah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tersebut secara tersasul kata (slip of the tongue) kerana ucapan yang dibuatnya adalah ucapan yang tidak menggunakan "text" tulisan iaitu dibuat secara "impromptu" sahaja. Tersasul kata ini telahpun dibetulkan di dalam masa ucapan itu juga. Oleh kerana itu ia tidak menimbulkan apa-apa kerosakan imej sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat penyoal ini.

LALULINTAS JALAN KELANG/ KUCHAI LAMA

53. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar samada beliau sedar bahawa kemalangan lalulintas dan kesesakan lalulintas selalu berlaku di simpang Batu 4½ Jalan Kelang dan Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, akibat banjir kilat di kawasan tersebut pada musim hujan, dan ketiadaan lampu-lampu isyarat untuk mengawal lalulintas yang sesak; jika sedar, nyatakan tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Datuk Ong Kee Hui: Saya sedar bahawa kemalangan dan kesesakan lalulintas selalu berlaku di simpang Batu 4½, Jalan Kelang dan Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur akibat banjir kilat pada masa hujan dan

telah meminta Jabatan Kerja Raya Negeri untuk mengambil tindakan bagi memperbaiki keadaan di simpang tersebut. Ini ialah kerana jalan-jalan yang di luar sempadan lama Kuala Lumpur masih lagi diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri.

BUKU-BUKU TEKS— SEKIM PINJAMAN

54. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kemajuan yang tercapai dalam melaksanakan pembahagian buku-buku teks percuma kepada murid-murid yang bapanya berpendapatan \$500.00 ke bawah sebulan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Setakat ini hampir semua buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman Buku-buku Teks diedarkan kepada murid-murid yang layak menerima pinjaman tersebut termasuk murid-murid yang bapanya berpendapatan \$500.00 ke bawah sebulan.

PEMBASMI MALARIA SEMENTARA

55. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan samada pekerja-pekerja pembasmi malaria sementara akan di masukkan ke dalam perkhidmatan tetap.

Tan Sri Lee Siok Yew: Rancangan Pembasmi Malaria Semenanjung Malaysia adalah satu projek sementara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan had masa bermula pada tahun 1967 sehinggalah tahun 1982. Mengikut dasar Kerajaan lebih kurang 80% pekerja-pekerja dalam Rancangan ini memegang jawatan-jawatan bertaraf sementara iaitu sebagai Pengawas Kesihatan Umum, Pemungut Jentik-jentik, Atendan Makmal, Pemandu Motobot, Juruluan, Pemandu Kereta, Buruh Sambilan dan lain-lain. Yang baki 20% pekerja dipinjam dari Kementerian Kesihatan dan mereka ini memegang jawatan-jawatan tetap. Oleh kerana projek ini sementara maka tidak ada peruntukan untuk menjadikan pekerja-pekerja sementara itu pekerja-pekerja tetap.

BASIKAL KEPADA PASUKAN POLIS DI LUAR BANDAR

56. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memberi

basikal kepada tiap-tiap orang ahli pasukan Polis yang berkhidmat di luar bandar untuk kegunaan mereka semasa menjalankan tugas, seperti merunda Kampung-kampung.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan tidak bercadang hendak memberi basikal kepada tiap-tiap orang ahli Pasukan Polis yang berkhidmat di luar bandar bagi menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun basikal-basikal ada dibekalkan kepada Balai-balai Polis samada di kawasan dalam bandar ataupun di kawasan luar bandar. Basikal-basikal ini adalah di bawah "Station charge" untuk digunakan oleh anggota-anggota Polis sewaktu menjalankan tugas-tugas patrol. Bekalan basikal adalah berdasarkan kepada tugas-tugas ronda dan bukan berdasarkan kepada jumlah anggota di sesuatu balai.

TEKSI—LESEN YANG DIBERI

57. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan lesen-lesen teksi yang diberi masing-masing kepada individu-individu dan badan-badan berkanun dan samada Kementerian Beliau akan mengikut polisi memberi lesen-lesen teksi kepada orang-orang persendirian yang miskin daripada syarikat-syarikat dan badan-badan berkanun.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jumlah lesen-lesen teksi yang dikeluarkan masing-masing kepada individu dan badan-badan berkanun di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 31-12-74 ialah sebanyak 3181 dan 4591, (iaitu membawa jumlah lesen keseluruhannya sebanyak 7,772). Kementerian ini tidak menggalakkan pemberian lesen-lesen kepada orang-orang persendirian yang miskin kerana ini akan mungkin mendatangkan kesulitan yang lebih kepada pemohon-pemohon tersebut dan mungkin juga melibatkan soal meng"alibaba"kan lesen-lesen tersebut kepada orang lain.

DASAR PELAJARAN—LAPURAN

58. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Jawatankuasa Menteri berkenaan Dasar Pelajaran telah menyiapkan laporannya; jika ya, bilakah laporan ini akan diedarkan kepada orang ramai.

Dr Mahathir bin Mohamad: Jawatankuasa ini belum lagi menyiapkan laporannya. Ianya akan diedarkan apabila siap kelak.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb April, 1975)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Sepang hendak berucap. Oleh sebab beliau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

Perbahasan disambung semula.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagai memulakan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini yang telah berucap dan menyokong peruntukan-peruntukan dan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan beberapa perkara penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi sambil menyokong Rang Undang-undang telah menyatakan keraguan beliau

tentang penubuhan Sekim Kumpulan Wang Jaminan Insuran. Beliau berpendapat bahawa levi yang dicadangkan itu akan dibebankan kepada orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, levi yang tidak melebihi 1% itu adalah terlalu kecil atau sedikit apabila dikenakan dan difikirkan tidaklah berfaedah bagi penginsuran membebaskan levi ini kepada orang ramai. Misalnya jika levi bagi tahun yang pertama ialah pada kadar $\frac{1}{4}\%$, penginsuran am yang sederhana besarnya yang mempunyai pendapatan premium sebanyak \$2 juta setahun akan membayar levi hanya \$5,000 setahun. Bagi insuran nyawa pula levi ini akan hanya dikenakan ke atas perniagaan baru yang mana dalam tahun 1973 berjumlah sebanyak \$33 juta bagi 108,000 polisi. Pada kadar $\frac{1}{4}\%$ jumlah levi yang dikenakan kepada penginsuran nyawa akan berjumlah hanya \$82,500 atau pada kadar 76 sen tiap-tiap polisi dan penginsuran nyawa tentunya mampu mengeluarkan belanja yang sedikit ini, lagi pun dengan bertambah kepercayaan orang ramai terhadap insuran tentu akan menambahkan lagi pendedaran insuran.

Mengenai penubuhan sekolah insuran untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia untuk perusahaan insuran, sebenarnya Perbendaharaan telah pun mencadangkan hal ini kepada Institiut Teknologi MARA supaya kursus-kursus tambahan dalam bidang insuran diadakan dalam Institiut Teknologi MARA dan sukacita saya nyatakan bahawa Institiut Teknologi MARA telahpun merangka perkara ini termasuk mengambil pensyarah-pensyarah dari seberang laut. Butir-butir mengenai rancangan latihan ini ada dinyatakan di muka surat 23 kepada Lapuran Tahunan Ketua Pengarah Insuran yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Statut 7.

Mengenai soalan beliau supaya tindakan-tindakan dijalankan untuk mengurangkan perusahaan asing dalam setengah-setengah syarikat yang ditubuhkan dalam negeri, Perbendaharaan sedang bertindak untuk menentukan supaya majority equity akan berpindah dari orang-orang asing ke tangan rakyat Malaysia dalam tempoh yang dijangkakan. Pada pertimbangan saya sendiri adalah juga menjadi tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Insuran berkenaan menentukan supaya

pengurusan mereka dipegang oleh rakyat Malaysia daripada bergantung setiap masa kepada ahli-ahli pengurusan seberang laut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga berucap tentang keperluan latihan dalam insuran, terutamanya latihan bagi bumiputra. Saya telah nyatakan tadi bahawa kelas-kelas latihan sekarang sedang dijalankan oleh Institiut Teknologi MARA dengan perundingan Ketua Pengarah Insuran dan perusahaan insuran. Beliau juga menyatakan masalah pemegang-pemegang polisi insuran nyawa yang tidak dapat meneruskan bayaran premium dan kehilangan premium yang telah dibayar sebelum mencapai umur 55 tahun atau sebelum kematangan polisi. Saya suka menyatakan bahawa Akta memberi peruntukan supaya polisi insuran nyawa tidak ditamatkan dengan sebab tidak membayar premium sekiranya premium polisi insuran nyawa itu telah dibayar bagi tiga tahun atau lebih dan juga kebanyakan penginsuran nyawa memperuntukkan jadual nilai serahan bagi tingkat-tingkat masa tertentu bagi masa depan semasa polisi itu diambil. Oleh yang demikian pemegang polisi tentulah sedar akan jangkanya sekiranya ia gagal untuk membayar premium. Penginsuran memberi tempoh selama 30 hari sebagai tempoh lanjut membayar premium.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyatakan bahawa syarikat insuran mendapat keuntungan yang banyak. Walaupun perkara ini benar bagi setengah-setengah syarikat insuran, tetapi seperti yang dapat dilihat di perenggan 94 muka surat 20 kepada Lapuran Tahunan, perusahaan insuran pada keseluruhannya menghadapi kerugian dalam tahun 1965 hingga tahun 1972.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ipoh telah mencadangkan penubuhan jawatankuasa untuk mendengar aduan-aduan dari pemegang-pemegang polisi berkenaan dengan kelambatan bayaran-bayaran tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu untuk mengadakan jawatankuasa ini seperti yang dapat dilihat di muka 4 Lapuran Tahunan iaitu hanya 83 aduan telah diterima daripada ratusan ribu pemegang-pemegang polisi, dan ini telah dikendalikan dengan memuaskan oleh Pejabat Ketua Pengarah, kakitangan yang mana telah ditambah untuk mengendalikan pertanyaan-pertanyaan dan aduan-aduan orang ramai. Bagi pihak orang ramai yang berkenaan kita patut berasa bimbang

untuk membawa perkara-perkara yang menyusahkan terhadap penginsuran untuk dibawakan kepada Ketua Pengarah bagi pertimbangannya. Persoalan menginsurankan risiko tanggungan penumpang buat masa sekarang ini sedang dalam kajian.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin memimbulkkan persoalan perlindungan insuran lebih murah bagi rumah-rumah kayu. Perkara ini sekarang telah diberi perhatian yang aktif oleh ulangkajian tarikh kebakaran dan lindungan murah bagi rumah-rumah kayu adalah istilah yang tertentu digunakan oleh seorang pakar yang telah ditugaskan bagi kerja ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyatakan iaitu latihan insuran yang baik diberi kepada kakitangan Ketua Pengarah Insuran. Keperluan ini sentiasa disimpan dalam ingatan. Beliau telah menitikberatkan Fasal 15 ke atas insuran semula. Beliau berpendapat iaitu syarikat-syarikat tempatan akan memberi syarikat-syarikat insuran luar negeri perniagaan insuran semula. Beliau tidak perlu bimbang atas perkara ini disebabkan perkara insuran semula ke luar negeri tidak akan bertambah seperti yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kedudukan perkara ini ialah untuk menentukan penginsuran-penginsuran Malaysia tidak mengadakan perjanjian insuran semula dengan syarikat-syarikat luar negeri yang tidak diketahui dan menanggung bahaya tuntutan mereka tidak ditunaikan oleh syarikat-syarikat di luar negeri. Lagipun tidak ada syarikat insuran boleh berbuat dengan ketiadaan lindungan insuran semula untuk dirinya sendiri kerana insuran adalah penyatuan risiko-risiko. Hanya 16 peratus dari jumlah perniagaan insuran telah diinsurankan semula di luar negeri dalam tahun 1973 dibandingkan dengan 18 peratus dalam tahun 1972. Kemosotan insuran semula ke luar negeri adalah juga disebabkan oleh penubuhan Malaysian National Insurance Sendirian Berhad dan dengan bertambahnya kebolehan penahan (retention capacity) penginsuran-penginsuran dalam negeri. Saya juga memberi perhatian kenyataan beliau bagi usaha-usaha melatih orang-orang Malaysia sebagai "adjusters" daripada bergantung kepada pakar "adjusters" dari luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam menggesa bahawa lebih banyak syarikat dalam negeri yang dipunyai oleh rakyat

Malaysia didaftarkan dan bilangan syarikat luar negeri dikurangkan. Beliau berkata bahawa pada kadar sebanyak 2 buah syarikat dalam negeri yang dipunyai oleh rakyat Malaysia bagi setiap tahun akan terdapat bilangan 5 buah syarikat dalam negeri ditubuhkan dalam masa selama 25 tahun. Tidaklah patut berkata secara di atas oleh sebab kepentingannya bukanlah semakin banyaknya bilangan buah syarikat dalam negeri yang dipunyai oleh rakyat Malaysia, tetapi keteguhan dan kemampuan setiap syarikat walaupun kecil bilangannya. Sebagai contohnya, dalam tahun 1973 adalah terdiri 15 buah syarikat dalam negeri daripada jumlah sebanyak 88 buah syarikat iaitu 17 peratus. Tetapi penyertaan perniagaan syarikat-syarikat dalam negeri bagi kedua-dua pasaran insuran nyawa dan am ialah 23 peratus dan 27 peratus masing-masing. Pada hari ini syarikat insuran Kebangsaan Malaysia telah menjadi syarikat insuran am terbesar yang ketiga sedang perkembangan dengan pesat sebagai penginsuran yang utama. Pendaftaran syarikat-syarikat luar negeri yang baru telah ditahankan sejak tahun 1964 dan syarikat-syarikat yang sedang berjalan telah dipulihkan untuk menyusun semula. Beliau juga telah merojok kepada kehilangan pendapatan invisible earning oleh sebab kebanyakan perniagaan luar negeri Malaysia diinsurankan di luar negeri. Pihak Perbendaharaan tahu akan masalah ini, tetapi adalah susah mewajibkan dengan undang-undang bahawa perniagaan luar negeri diinsurankan dengan penginsuran-penginsuran Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, penginsuran-penginsuran Malaysia telah digesa menubuhkan insuran pools untuk menginsurankan barang-barang ekspot negara kita. Beliau juga mengatakan keraguannya ke atas kejatuhan nilai sebenarnya bagi jumlah insuran nyawa oleh sebab keadaan inflasi sebagaimana ternyata dalam perenggan 68 pada Laporan Tahunan. Penginsuran-penginsuran nyawa telah digesa menjual kepada orang ramai jenis-jenis polisi baharu yang akan memberikan perlindungan ke atas keadaan inflasi.

Ahli Yang Berhormat dari Besut bimbang ke atas Fasal 23 bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai kapal-kapal yang memerlukan insuran akan mendaftarkan syarikat-syarikat dan kapal-kapal mereka ke luar negeri. Saya ingat tidaklah perlu bimbang

tentang perkara ini oleh sebab Ketua Pengarah Insuran telah diberi kuasa di bawah Fasal ini untuk memberikan pengecualian ataupun tidak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 11—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan dalam Clause 5 (b) dan Fasal 11 sepertimana yang diterangkan dalam Kertas DR. 5/75 yang telah dibentangkan di Majlis ini. Pindaannya seperti berikut:

AMENDMENT

Clause 5 (b) (Page 4) Insert the words “of the same amount over liabilities in Malaysia” after the words “a surplus of assets in Malaysia” appearing at the end of amending paragraph (i).

PINDAAN

Fasal 11: (Muka 8) Gantikan perkataan “eighty-five” yang terdapat di baris 3 perenggan (a) dengan perkataan “eighty”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 hingga 11 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 hingga 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 19—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan dalam Fasal 19

seperti mana yang diterangkan dalam Kertas DR. 5/75. Pindaannya adalah seperti berikut:

PINDAAN

Fasal 19: (Muka 16) Gantikan perkataan “with” yang terdapat di baris 2 dalam seksyen pindaan 18F (1) (a) dengan perkataan “within”.

AMENDMENT

Clause 19: (Page 15) Substitute for the semi-colon appearing after the words “at the time of issue of the policy” in line 3 of paragraph (b) of the amending section 18F (1) a colon.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 19 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 20 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 dan 22—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan dalam Fasal 21 dan 22 sepertimana yang dimaklumkan dalam Kertas DR. 5/75. Pindaannya adalah seperti berikut:

PINDAAN

Fasal 21: (Muka 21) Potong perkataan “of” yang terdapat di baris akhir seksyen pindaan 20C (8).

Fasal 22: (Muka 21) dan 22) (a) Ejaan bagi perkataan “buldozer” yang terdapat di baris 8 bersempitan dengan butiran (ii) hendaklah dieja “bulldozers”.

(b) “Company” dalam butiran (iv) hendaklah dieja “company”.

AMENDMENTS

Clause 21: (Pages 19 and 20) (a) Substitute for the word “increased” appearing in line 4 of the amending sub-section (4) of section 20B thereof the word “increasing”.

(b) Substitute for the words "daily fine of not exceeding fifty dollars" appearing in the last line of the amending subsection (8) of section 20 thereof the words "a daily fine not exceeding fifty dollars".

Clause 22: "Company" appearing in item (Page 21) (iv) be spelt as "company".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 21 dan 22 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERINDAstriAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.56 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pertubuhan Perindustrian (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan sekarang ialah untuk memperbaiki lagi rangka undang-undang di mana sistem perhubungan perindustrian di negara ini dilaksanakan supaya keamanan perindustrian bersandarkan keadilan dapat diadakan, dan dengan itu menyediakan asas-asas untuk mengujudkan suasana perhubungan perindustrian yang lebih baik bagi menepati kemahuan serta kehendak Dasar Ekonomi Baharu negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini didapati perlu, timbul dari pengalaman-pengalaman yang diperolehi sejak Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan)

1971 yang diluluskan pada 26hb Julai, 1971. Daripada itu, ciri-ciri yang penting kepada pindaan-pindaan ini seperti terkandung dalam Rang Undang-undang ini setengah-setengahnya adalah mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) menyediakan suatu aturcara yang baharu bagi menyelesaikan kes-kes pembuangan yang dinyatakan sebagai pembuangan tanpa sebab dan musabab yang menasabah;
- (ii) memerlukan perjanjian-perjanjian bersama dikemukakan atau dipertaruhkan kepada Mahkamah Perusahaan;
- (iii) mengadakan suatu tempoh yang tertentu bagi memulakan rundingan bersama;
- (iv) mengurangkan had masa dari 30 hari kepada 21 hari bagi majikan memberi jawapan kepada tuntutan-tuntutan Kesatuan Sekerja untuk mendapatkan pengiktirafan;
- (v) mengadakan beberapa pindaan yang berbangkit untuk menyatakan maksud setengah-setengah peruntukan Akta Perhubungan Perindustrian dengan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan) 1975 ini bertujuan bukan sahaja untuk meninggikan mutu tata-susila dalam perhubungan perindustrian bahkan sedapat-dapatnya untuk menepati berbagai cadangan dan usul yang dibuat oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya (MCEO). Saya sedar bahawa MTUC dan MCEO masih belum begitu berpuas hati dengan pindaan-pindaan ini, tetapi suka saya memberikan jaminan kepada mereka bahawa pindaan-pindaan ini diadakan hanya setelah menimbangkan secara teliti dan mendalam dengan mengutamakan kepentingan serta faedah kepada negara.

Saya ingin menambahkan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (MTLAC) yang telah diadakan pada 17hb Mac, 1975 di mana kedua-dua pihak—majikan dan pekerja pada amnya telah bersetuju dengan cadangan-cadangan pindaan ini dan nampaknya mereka telah berpuas hati buat sementara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengulangi di sini bahawa Undang-undang adalah perlu dan memainkan peranan yang tegas dan penting dalam sistem perhubungan perusahaan di negara ini, akan tetapi undang-undang itu dengan sendirinya tidaklah dapat mengujudkan keamanan perindustrian. Apa yang diperlukan ialah cara pendekatan yang berperi kemanusiaan terhadap masalah-masalah pekerja atau manusia umumnya dengan semangat bertolak-ansur.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua pihak—majikan dan pekerja dan juga pemimpin-pemimpin politik supaya bekerjasama dalam semangat tolak-ansur untuk mencapai keharmonian perusahaan yang lebih bermakna bagi kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah berasaskan pengalaman-pengalaman pada masa yang lalu. Rang Undang-undang Pindaan ini akan memperkemas undang-undang yang telah sedia ada dan saya boleh menyebutkan di sini bahawa pindaan-pindaan ini, peruntukan-peruntukan yang baharu dimasukkan di dalam undang-undang ini adalah mustahak untuk lebih menjaga kepentingan-kepentingan kaum buruh dan pekerja-pekerja di negara ini, sebab itulah kaum buruh dan pekerja sudah seharusnya menyambut pindaan undang-undang ini dengan gembira dan saya berharap pihak Pembangkang juga akan menyambut pindaan ini dengan lebih gembira.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.01 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, saya telah membangkitkan beberapa perkara di dalam Akta itu yang didapati tidak sesuai untuk pekerja-pekerja ditanah-air kita dan saya telah pun membuat beberapa syor kepada bekas Menteri Buruh pada masa itu juga. Malangnya, syor-syor dan

cadangan-cadangan saya tidak diterima oleh bekas Menteri Buruh pada masa itu. Dan tidak berapa lama kemudiannya, Menteri itu juga telah membawa ke Dewan ini beberapa pindaan untuk melaksanakan beberapa cadangan yang dibuat oleh saya di dalam Dewan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan kita di pihak Pembangkang boleh membuat syor-syor atau beberapa cadangan untuk kepentingan negara dan adalah perlu Kerajaan mendengar dengan telitinya dan jika sesuai melaksanakan syor-syor yang dibuat oleh pihak Pembangkang.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, today we are asked to pass another lot of amendments and these have been the result of consultation, we are told by the Deputy Minister, between the M.T.U.C., the employers and the Government in the National Joint Labour Advisory Council. I must congratulate the Minister of Labour for consulting the M.T.U.C. and, what is more important, for getting their agreement before bringing these amendments to this House. But again, these amendments, though helpful and though they have the support of the workers and the support of me, for example, do not go far enough to meet the hopes and aspirations of the workers of this country as I shall presently show.

Mr Speaker, Sir, one amendment that is contained in this Bill refers to the recognition of a union by the employer. The bane of the unorganised workers of this country is the establishment of a trade union, its registration by the Registrar of Trade Unions and its recognition by the employer. When we debated the original Bill in September, 1967, we were assured by the then Minister of Labour that the procedures were clearly laid down in the law and that there would be no—I reiterate “no”—difficulty in workers getting their trade unions registered. But it is well-known and it is also most regrettable that there are many employers who are mortally afraid of unions and they will do all that they can to prevent workers from setting up trade unions.

Victimisation

It is well-known that the leaders of the embryo trade union are frequently victimised.

They are often harried by the employer or they are dismissed on flimsy or trumped up charges. Hence I say that the amendment in Clause 5 seeking to amend Section 8 of the principal Act by the reduction of 30 days to 21 days for the employer to respond to the union's claim for recognition, though helpful, is not enough.

We all know that before a trade union can be registered, it will have to comply with the conditions laid down by the Registrar of Trade Unions. Amongst the conditions, it will have to satisfy the Registrar of Trade Unions that its membership must be more than 50% of the workers in the establishment. Having gone through all the trouble to satisfy the Registrar of Trade Unions, why should it not be accorded automatic recognition by the employer? Why should it have to further negotiate with the employer for its recognition? I submit that the time has come for the automatic recognition of trade unions once it has been registered by the Registrar of Trade Unions, and I call on the Government or the Minister of Labour to do so.

Wrongful dismissal of workers who are not members of a trade union.

Here section 16A of the principal Act is repealed and Clause 9 sets up a new Section 17A which deals with the representations on dismissals. In the past, a dismissed worker had to appeal to the Minister of Labour, and I dare say that very few unorganised labour dare to appeal to the Minister or know how to go about that business. Now, the injured worker can take his case to the nearest Labour Office. Then if conciliation fails, the case moves up the ladder to the Director-General, to the Minister and finally to the Industrial Court, if necessary.

Clause 10 empowers the President or the Chairman of the Industrial Court to consider the case by himself without the full panel of the Court sitting. This amendment is aimed at cutting down delay, and I welcome it. Here I wish to appeal to the Minister that the State Industrial Relations Officers should deal with cases that come before them as expeditiously as possible and see that the workers are not victimised by their employers just because they have taken part in trade union activities. Time and again, I regret, the worker has been wrongfully dismissed and very often he does not know where or whom

to turn to. And, of course, the almighty employer often tries to drag on the case for as long as possible, so that in the end the worker gives up out of sheer frustration or lack of means to fight the employer.

Collective bargaining

In Clause 6, Section 12 of the principal Act is amended whereby it is mandatory on the part of the employer to reply to a claim within 14 days and to commence negotiations by the 30th day. These target dates are indeed very helpful and certainly will pin down the recalcitrant employer. Very often it is well known that the employer flatly refuses to reply to a claim, much less to negotiate with the workers. It is also well-known that the employer will do all that he can to drag on the negotiations. With his vast resources the employer naturally is in a position to drag on the negotiations in the hope again that the Union will give up out of sheer frustration or that the Union will be in no position financially to fight the employer. Then lurking at the back of these negotiations is the Sword of Damocles hanging over the heads of the workers—victimisation.

It is true that Clause 21 provides for a new Section 54A which lays down the rights of the worker when he starts negotiating with the employer and should theoretically speaking prevent any victimisation. These safeguards are certainly welcome but employers invariably have a way of getting round the law and victimise their workers. Hence I call on the Deputy Minister of Labour to see that the provisions in Section 54A are strictly carried out to see that no worker is victimised because he has the courage to stand up for his rights and negotiate with the employer.

Collective Agreement to be deposited with the Industrial Court

Clause 7 amends Section 14 of the principal Act to provide for a signed copy of the collective agreement to be jointly deposited by the parties with the Registrar within a month from the date on which the agreement has been entered into and shall bring it to the notice of the Court for its cognizance.

This amendment is aimed to cut down the disputes that have arisen regarding the enforcement of the interpretation of the terms of the agreement.

Non-compliance of Awards

Clause 20 provides for any non-compliance to be referred direct to the Industrial Court instead of having it to be referred in the first instance to the Minister. This again is a welcome amendment, and it will cut down any delay in the non-compliance of any award and any delay that may be attempted by the employer in the non-compliance of any award.

Now, Mr Speaker, Sir, I wish to bring to the attention of this House some notable omissions in this Bill. Section 53A of the amendment passed in September 1964 provides for the reference to the Attorney-General for his advice on the interpretation of the law in any award made by the Industrial Court. Very often this is not enough and an employer often challenges the authority of the Industrial Court itself. Often the employer takes the case right to the High Court and in one case that I know of the employer took the case right up to the Privy Council. I refer to the Foh Hup Sdn. Bhd. Omnibus Company which took its case to the Privy Council which ruled in favour of the workers.

Any appeal to the High Court and to the Privy Council is not only costly but time consuming and I dare say very few unions in this country are in a position to tackle the employer in the High Court and in the Privy Council. Hence it is regrettable that the Minister has not taken advantage of this Bill to meet this challenge of the employer. This has led to the outburst of one Industrial Court President recently that such delaying tactics defeats the course of justice and I call on the Deputy Minister to plug up this lacuna in the law.

In some country, e.g. I believe in Singapore, the decision of the Industrial Court is final and cannot be challenged in a court of law. Hence I call on the Minister to look into this matter and plug up the lacuna that I have referred to.

Bone of Contention.

Finally, Mr Speaker, Sir, I come to Section 12 (3) of the principal Act which has always been the bone of contention with the workers of this country and acts like a red tag before the eyes of the workers and literally make them see red.

This clause prohibits the union from including in its proposals for a collective agreement such items as promotion, transfer, termination of service by way of redundancy, dismissal or reinstatement of a worker, assignment or allocation by employer of duties, etc.

The Minister must know that this Section 12 (3) is anathema to the workers of this country and so long as it remains in the Statute Book that long will the workers of this country harbour a sense of grievance against the employers and against the Government. Hence I call on the Deputy Minister to have another look at this Section 12 (3) and remove some of the more objectionable features of this Section 12 (3).

Finally, Mr Speaker, Sir, I call on the Minister to start negotiations with the M.T.U.C. in the National Joint Advisory Council with the view to amending other Trade Union Ordinances, for example, the Employment Ordinance, the Trade Union Ordinance and other anti-labour legislation so that we can have in these troubled times peace and harmony amongst the workers of this country.

4.23 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan), dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, when the Industrial Relations Act of 1967 was originally introduced and debated in this House, the DAP had termed it "a catalogue of cunning, and a first class exercise in duplicity". That was in June 1967. We had declared then that we agreed with the need to regulate and govern the conduct of industrial relations in a civilised society like ours, for we firmly believed and still do, that the alternative to that would be industrial chaos and anarchy.

However, we had pointed out that the Bill then was full of sins of commission and omission, and that it had ended the voluntary system of industrial relations in an unjust manner by (a) flagrantly flouting the rights of labour, and (b) making it unenforceable certain basic rights, responsibilities and

prohibitions recognised in the body of the Bill. We had argued then that Parts II, III and IV of the Bill were nothing but a mere declaration of rights, in the absence of penalty provisions in Section 55 which then contained only general provisions for contravention of the Act which were vague, general and therefore unenforceable.

Nearly eight long years have passed since the Industrial Relations Act had come into force. It appears that at long last the Government has woken up to the realisation that the arguments of the workers' unions and pro-labour political parties have been valid all along, although it remains to be seen whether this awakening is merely a partial and perhaps even a tactical one or a full and irreversible process towards genuine and durable industrial justice and industrial democracy.

Mr Speaker, Sir, this Bill seeks to amend several provisions of the Industrial Relations Act, 1967. In so far as these proposed amendments are progressive and just, they have our blessings.

We welcome the repeal of Section 16A of the Act which concerns appeals to the Minister against wrongful dismissal of a worker. Under the present provision, a dismissed worker can appeal to the Minister who will then order an inquiry and, based on the findings, can either order reinstatement, uphold the dismissal or refer it to the Industrial Court for arbitration. Experience of the last seven to eight years has shown that this could often be a very cumbersome process which weighed against the interests of labour.

Clause 9 of this Bill proposes a new section 17A under a new Part VA which enables the Director-General to promote a settlement in a case of dismissal of a workman who is not a member of a trade union and, failing settlement, to notify the Minister who may, if he thinks fit, refer the matter to the Industrial Court.

While we support the provision to protect unorganised workers from easy and arbitrary victimisation through dismissal, we are surprised that the Minister is again given the discretion to refer the case to the Industrial Court for arbitration in the event no settlement is arrived at through conciliation.

One would have thought that justice requires the Director-General or the Minister to mandatorily refer the matter to the Court for determination if settlement through conciliation fails. Why should the dismissed worker wait for the tender mercies and the whims and fancies of the Minister?

If the Minister is really to be freed from this quasi-judicial function, then he must be freed all the way instead of only part of the way enabling to retain some very important residual quasi-judicial powers.

Clause 6 of this Bill seeks to amend Section 12 of the principal Act in cases of proposals by trade unions to employers for a collective agreement. The proposed amendment seeks to make it compulsory to reply within 14 days and commence negotiations within 30 days from that date. We welcome this as it would prevent employers from using delaying tactics to claims with the view to frustrating workers.

Clause 5 of the Bill seeks to amend Section 8 of the principal Act on the question of recognition of unions. While it seeks to reduce from 30 days to 21 days the period for an employer to respond to a union's claim for recognition, a great deal of discretionary powers are still wrongly vested in the hands of the Minister to decide whether recognition should be accorded or not. And a decision of the Minister under this subsection may include a decision as to who are the workmen employed in a managerial, executive, confidential or security capacity and therefore cannot be members of a union. Experience in the last few years during which the Act has been in force tells us that a lot of arithmetical juggling and gymnastics can take place particularly from the employer's side as to who qualify and who do not to become members of a trade union.

We call for compulsory recognition of a trade union after a secret ballot shows that the majority of the workers concerned are its members, and the question as to who are the workers qualified to join the union be determined by an independent panel whose decision could be questioned by the Industrial Court, rather than giving the Minister the power to arbitrarily decide and making that decision final and unquestionable in any court.

Mr Speaker, Sir, as regards Clause 20 of the Bill which seeks to amend Section 53 of the principal Act on the question of non-compliance of an award or collective agreement made by the Industrial Court, we support the proposal to give the right to the aggrieved party to go direct to the Court for redress, rather than first reporting it to the Minister. Perhaps, after this, workers like those of the South-East Asia Firebricks would be in a stronger position to deal with recalcitrant and tricky employers who attempt to go round decisions of the Industrial Court.

Mr Speaker, Sir, as I have said earlier, without specific and strict penalty provisions, Parts II, III and IV of the principal Act would merely look like a well-intentioned but utterly ineffective declaration of rights. It is for this reason that we are happy to note that a new section—54A—is introduced to protect the injured or victimised worker, this time with some teeth in the form of specific penalty provisions.

As I have said earlier, we are glad that the Government has at long last recognised and accepted our argument that the Industrial Relations Act, 1967, prior to these proposed amendments introduced today was a blatantly anti-labour piece of legislation, and therefore needs major amendments to have it balanced to the justice of workers. This is not to say, however, that with today's proposed amendments accepted, the Act suddenly become totally healthy and impeccable. Far from it, because there are still a good number of undesirable features left untouched and unamended. As the Honourable Deputy Minister of Labour admitted just a moment ago, there is still a lot of unhappiness amongst the M.T.U.C. and also the workers in general about a good number of other undesirable features.

Among the more salient undesirable features are:

- (1) Section 6 (a) which places restrictions on workers to organise on the work-spot;
- (2) Section 18 (1) which provides for a quadripartite Industrial tribunal rather than a tripartite one as in most other countries;
- (3) Section 24 which allows professional legal representation in the Industrial

Court—a practice which is bound to weigh against workers and their unions because of their relatively much poorer financial resources compared to the employers;

- (4) Section 26 (f) which requires the Industrial Court to consult the Minister before it could allow expert testimony in its proceedings; and,
- (5) Section 41 (c) which blocks public service unions to the Industrial Court as well as prohibits them to go on industrial actions, including the right to strike.

We call on the Minister of Labour to look urgently into the need to amend these undesirable features with the view to amending or rectifying them without unnecessary delay.

Lastly, Mr Speaker, Sir, it is necessary that we extend and expand the machinery of the Industrial Court to other parts of the country, especially places like Penang, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan, Malacca, Seremban, Johore Baru and Alor Star in Peninsular Malaysia, and also to the main towns of Sabah and Sarawak. The Industrial Court in Kuala Lumpur is already over-burdened. In the interests of justice, disputes should be settled much more expeditiously than at present. As the maxim goes, "justice delayed is justice denied."

4.29 *ptg.*

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Perhubungan Perindustrian, 1967. Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan kita telah mengambil langkah-langkah untuk meminda Undang-undang Buruh supaya persefahaman di antara pekerja. Perhatian saya adalah pada Clause 17A yang sebahagiannya tidak begitu terang maksudnya dan tidak akan memberi penjelasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, Clause 9 and Clause 16A in the present law empowers workmen not represented by any Union to complain directly to the Minister. Now by Clause 9, workmen report to the Director-

General and attempts will be made by the Director-General within 30 days to settle the dispute; if not, it is referred to the Honourable Minister. Mr Speaker, Sir, this Clause does not provide as to within how many days or within what period the Minister should then forward the matter to the Industrial Arbitration Court. Within what period should the Minister either refer or not refer? It would be best if a certain time period was stipulated. The earlier the workman knows whether the matter is going to the industrial court, the better. If he knows for sure that the matter will not be referred to the Industrial Court, then he can take normal court proceedings for wrongful dismissal. Tuan Speaker, jika sekiranya meminta Menteri yang berkenaan melewatkan atau melambatkan satu perbicaraan pekerja itu terbiar, tertunggu-tunggu dan tidak tahu di mana kedudukannya masa ini, ia tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan, tidak ada Union menyokong masa itu dan susah baginya mendapat pekerjaan di tempat lain kerana pertikaiannya belum selesai jadi ia membuang masa sahaja menunggu-nunggu.

Tuan Speaker, Sir, on the other hand, I would like to stress here that our country's asset is the manpower we possess. If we consider our population wealth, almost 50% are in the wage earning group. It becomes very necessary to protect the interest of the working population. With poor wages, with large families and dependants when a person is stranded and jobless or is retrenched or is sacked from his job, it is very difficult to survive and a man, after retrenchment, may have to wait for a period of three to five months to get a decision from the Honourable Minister before his case can be forwarded to the Industrial Court.

Under Clause 9 again, Tuan Speaker, Sir, Section 17A provides for a workman to make representation only to be reinstated in his former employment. But this seems to provide the workmen only with the right to claim reinstatement but in the interval between dismissal and reinstatement, the worker may have incurred severe losses as follows. He would have lost several months' salary, and reinstatement does not automatically entitles him to get the lost salary. Being a poor workman, he may have to obtain loans etc. to survive in the said interval period. He should be entitled in some

measure to compensation for the interest he may have to pay on such loans as well as the inconvenience and hardship that he has suffered.

Tuan Speaker, Sir. I feel that the Clause which I would like to refer here Part V (A), Clause 17A (4) "Where an award has been made under subsection (3), the award shall operate as a bar to any action for damages by the workman in any court of law in respect of wrongful dismissal".

But the Act does not specify what the award is going to be. As far as I understand as a layman, the award will be only reinstatement. But after suffering for six months without a job and with all the hardships, if he is only given back his job without any compensation, I feel that portion is a bit unfair, Sir.

Then, referring to Section 28 of the Principal Act, on the date of agreement and of award, if there is a dispute between two parties and the matter is referred to the Industrial Court, if they agree to settle their case or if they come to an agreement, the Industrial Court only has power to make an award in relation to the trade dispute referred to it. If after the trade dispute is referred, there is a settlement by agreement between the parties, the Industrial Court has no jurisdiction since the dispute has ended. But Section 28 of the principal Act only says that the Industrial Court may have regard to the agreement and they can even ignore the agreement for their own reasons and make a different award. It is best that once parties come to an agreement at a stage after reference to the Industrial Court, the agreement should be paramount and should prevail as the parties are going to live with the agreement. For the sake of industrial harmony, wherever agreement is reached by the parties themselves, such agreement should prevail over the Industrial Court. That is the end of my speech, Sir.

4.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, this is yet another Bill to amend the controversial Industrial Relations Act, 1967. While it does appear that some of the proposed amendments in this Bill are progressive—for example, the repeal of Section 16A of the Industrial Relations Act and the introduction

of Clause 6 pertaining to collective bargaining—however, it must be pointed out that such piecemeal reforms or concessions, however progressive they may appear or promise to be, cannot detract us from the basic truth that the Industrial Relations Act taken as a whole still weighs very heavily against the interests of workers, whether they be organised or unorganised.

In particular, I would like to refer to Clause 5 of the Bill which seeks to amend Section 8 of the Principal Act on the question of reducing from 30 days to 21 days the period for an employer to respond to a union's claim for recognition. This is still very unsatisfactory because whether the Union will be finally recognised will still depend on the discretionary powers of the Minister concerned. As has been shown in the past, the Managements can refuse to recognise the unions on the grounds that there is no majority membership for the said unions. Even if the unions do have majority members, the managements can still reject the verdict of the unions concerned. This is highly obnoxious. We call for compulsory recognition of a union after a secret ballot has determined that the majority of the workers concerned are its members, and the question of who should be members of the trade union should be determined by an independent panel of persons.

Tuan Speaker, the question of organising the unorganised workers in our country is of absolute importance as more than 70% of the total number of workers in Malaysia today are unorganised. The Ministry of Labour and Manpower should take steps to ensure that workers who attempt to exercise their fundamental right to organise should be free from harassment and victimisation by unreasonable employers.

Tuan Speaker, on the subject of the Industrial Court as provided for in this Bill, it is my view that this Industrial Court should be reformed to regain the confidence of the workers in the Industrial Tribunal system. An Industrial Court should act more like a court of equity to administer industrial justice for the workers than as a common law court hide-bound by legalistic procedures and arguments in which case the interests of the workers will suffer. In this case, I suggest that the Industrial Court should be made part of the Judiciary and not as of now, part of the

Ministry of Labour and Manpower and subject to the influence and pressures of the Minister concerned.

Furthermore, Tuan Speaker, Sir, I feel there is a crying need for the establishment of an appellate tribunal above the Industrial Tribunal to pave the way for appeals from the Industrial Tribunal if there is a miscarriage of justice.

Lastly, on the subject of Industrial Court awards, I would like to call on the Government to take steps to ensure that awards made by the Industrial Court are enforceable. This is particularly so in respect of awards made on the reinstatement of workers.

In this connection, I would like to draw the attention of this House to a report in yesterday's *New Straits Times* where about sixty workers went to the Industrial Court to seek its assistance in enforcing its award, ordering the reinstatement for the South-East Asia Firebricks workers in Selayang. This is a serious matter, and I urge the Honourable Deputy Minister of Labour and Manpower to take immediate steps to ensure that the award on the reinstatement is enforceable. This is the only way to secure the confidence of the workers towards the Industrial Tribunal system. Thank you.

4.40 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit memandangkan kegunaan dan keperluan Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan sekarang iaitu Akta Perhubungan Perindustrian (Pindaan). Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan mengukuhkan perhubungan yang baik dan rapat di antara majikan dan kaum buruh supaya menetapkan mutu pengeluaran dan menambatkan pengeluaran dan supaya menetapkan suasana yang baik dan aman di negara kita ini. Pada keseluruhannya, saya bersetuju Rang Undang-undang ini ialah undang-undang yang baik. Tetapi saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan di sini bahawa perhubungan antara majikan dan para pekerja hanya boleh ditentukan apabila kedua-dua pihak ada saling mengerti dan persefahaman antara mereka, ertinya bukan

pihak pekerja atau pihak buruh sahaja yang mesti mengerti terhadap majikan, bahkan pihak majikan pun ada perlunya mereka faham terhadap kehendak-kehendak para pekerja.

Pada masa dahulu adalah menjadi tauladan Kerajaan mendengar rayuan-rayuan dari majikan sahaja. Ini disebabkan kehendak Kerajaan membekalkan satu healthy investment climate di negara kita. Sesudah lulusnya satu Rang Undang-undang Akta Perhubungan Perindustrian, 1967 iaitu satu Rang Undang-undang yang bersikap baru dan oleh kerana kehendak politik baru, banyak di antara pekerja-pekerja telah mengambil sikap baru juga dan berharap dengan kejujuran Rang Undang-undang tersebut iaitu implementation of the Bill.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, what I want to state is that since 1967 the Industrial Relations Act has given a new attitude to the workers. It has brought about expectations and hope, i.e. the days of exploitation of the workers are over. But that was not so until we have got these various amendments to the various provisions of the Act which is under discussion in this House. This Amendment is to seek more effectiveness of the said Act.

Sir, the Bill by itself is a good one but what I am more interested in is the implementation and the enforcement of this Bill. This Bill, which seeks to keep a balance between the workers and the employers, is a good one and in view of the present situation, the situation caused by inflation and recession, it is more than urgent that we have a Bill which seeks to provide a balance between the workers and the employers.

Sir, I would like to bring to the attention of this House my reasons for saying that I doubt the enforcement of the Bill in Sarawak. Many factories and some mining industries, like gold mining and antimony mining in my area, are paying very little attention to their workers. They pay very little and the job entails very heavy manual work and also long hours. For a slight reason a worker is dismissed and most of the workers are put under the category of "casual labour" so as not to come under the various labour laws.

To give an instance, a worker fell from a building under construction and hurt his vertebrae. After he was discharged from the

hospital his posterior area is weak until today. He went to the Labour Department at Kuching and sought to claim compensation and informed the Divisional Labour Officer that his employer was called "Ah Tong". But the register book in the Labour Office does not show any employer by the name of "Ah Tong". So his case is still pending. In other words, there was no possible avenue for seeking compensation for his loss.

I have also to state in this House the antimony and gold mining industries in Bau, for instance, and the brick factories along the Bau/Kuching Road are paying a mere \$2 to \$4 a day. The maximum may be \$5 if a worker has served for a very long time. On top of that, as I have said earlier on, for a little, slight reason the worker is dismissed. In one particular antimony mine, for instance, during last December, a lot of workers entering the mining hole met with poisonous gas and had to be dragged out to safety by other workmen. In one incident one worker fell unconscious for about several hours. He was just left outside there and not brought to the hospital and no medical attention was called for. That is why, as I said earlier on, the implementation of the various very good rules of the Government have to be extended to see that victimisation does not exist in one form or the other.

Another example here is that since the Elections, Mr Speaker, Sir, if you may permit me to say here, the employers who tend to be in favour of the party in power have often told people looking for jobs, after they have been displaced from one firm and going to another, "Since you have voted for SNAP in this area, why don't you go and look for jobs with SNAP?" On this I have got evidence, and this evidence shows that even people who hold positions in the Government say this.

I would like to refer to New Part V (A) of the Bill. With reference to Section 17A "Representation on Dismissals", I would like to state here that the enforcement of this particular Section calls for rigid adherence to labour rules in order to make it feasible. That is, if a worker comes for employment, he has got to be registered and the *majikan* or the employer has got to register him and a record has to be kept so that when he is dismissed, there is a record to show that he

is a worker in a certain establishment or firm. This is more so in an area where there is no organised labour like in Sarawak where most of the labour are unorganised, except for one, the Commercial Employees' Union, which caters for only about a few hundred workers and those workers, in fact, need not be represented by a union, if I may say so here. The workers who should be represented by unions or where a union should cater for are those who are from the rural areas yang tidak ada pengalaman, tidak ada pergi sekolah, ini yang mereka yang hendakkan kesatuan. But the thing is, the onus to form a union is on the workers. Until to date, this Bill does not show that the Government will aid the workers to organise.

Tuan Yang di-Pertua: We are not debating the Trade Union Bill here. This is the Industrial Relations Bill.

Tuan Patrick Anek Uren: Yes, Mr Speaker, Sir, but this is providing for the climate for industrial relations, so it has got reference to it. May I be permitted to continue.

Tuan Yang di-Pertua: Well, I think it is out of order for you to refer to another law that is not being discussed here. What the Honourable Member is suggesting is that Government should take certain action under the Trade Union law which is not before us today.

Tuan Patrick Anek Uren: I will confine to the.

Tuan Yang di-Pertua: Confine to the issues before us today.

Tuan Patrick Anek Uren: Mr Speaker, Sir, I have not got many items more except to say that the Deputy Minister just now in presenting the Bill stated that this Bill also seeks to provide for the Dasar Ekonomi Baru. I would like to repeat here, as I have said earlier on, my argument that the enforcement of this Bill is very much needed if we are ever to achieve the Dasar Ekonomi Baru which stipulates that the workers must be given equal opportunities. In so far as it is today, a lot of workers are categorised as casual labour and unimportant; the higher positions are given to relatives and those who are known. This kind of thing will not

help the New Economic Policy. So I hope that the Deputy Minister who presented this Bill is aware of the need for this Bill to bring about a situation which will provide for an early achievement of the New Economic Policy and steps will be taken to enforce those various aspects of this Bill. Thank you very much.

4.53 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as far as this Bill is concerned, I must congratulate the Ministry for bringing in some progressive sections. But if we look at the whole Act, we will find one or two disturbing features especially in the use of legal expressions like "proper cause" as is found in Clause 3 (a) on page 2:

"refusing to employ a person for proper cause, or not promoting a workman for proper cause."

Now, Mr Speaker, Sir, if we turn to Page 4, under Part V (A)—Representations on Dismissals—the new section 17A (1) reads as follows:

"Where a workman who is not a member of a trade union of workmen considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer he may, within one month."

Sir, we find here two sets of legal expressions—one is "proper cause" and the other is "without just cause". What I want to know is whether these two expressions are synonymous—when is a cause proper but unjust and when is a cause just but improper.

Sir, if I may be allowed to say, though I do not mean to be cynical, it is in regard to the use of the new word "excuse". This is one piece of legislation apart from the criminal law where an alibi is given to the employer. If I am correct, and I hope I am wrong, all that the employer needs to do now in order to dismiss a worker is to give an excuse, however flimsy that excuse may be. For instance, if Mr Ramasamy is late for work for a number of times, then that is enough to sack him. That, in my opinion, Sir, is against the rule of natural justice. That is most ridiculous and I hope this sort of thing will be corrected. I definitely would be very grateful if the Minister concerned would give a proper explanation as to the meanings

of the two expressions—“proper cause” and “without just cause”. Sir, again we can see two situations arising. One situation is if an employee is dismissed for a just cause but improperly, then what will be the consequence. On the other hand, if he is dismissed for an unjust cause but properly, then also what will be the situation and the consequence. These are anomalies which this Act does not foresee and I have no alternative but to say that in so far as these two expressions are concerned, they represent no more than glorified idiocy.

4.55 *ptg.*

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian yang dikemukakan oleh pihak yang berkenaan dan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat mengemukakan satu Rang Undang-undang Pindaan yang bertujuan baik untuk menjaga kepentingan rakyat, khususnya kepentingan pekerja-pekerja di dalam negara kita yang sedang membangun.

Apa yang saya berasa sedih daripada ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan daripada Barisan Nasional seolah-olah menggambarkan bahawa Kerajaan kita tidak memperdulikan pekerja-pekerja di dalam negara ini. Kita hendaklah sedar bahawa negara kita sedang membangun, kita menghadapi berbagai-bagai masalah. Hendak mencari kesalahan memangnya senang, tetapi hendaklah diingat bahawa sesebuah negara yang bebas, berfikir, yang mengamalkan dasar demokrasi tentulah kita mengambil masa untuk sesuatu tujuan yang baik dan di dalam Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian ini ialah untuk hendak menjaga kepentingan. Yang mustahak sekali ialah fahaman-fahaman dan tindakan-tindakan yang mesti difahami oleh semua peringkat pekerja dan semua bangsa yang ada di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang bertujuan menghubungkan, mengadakan silat-rahim, merapatkan perhubungan. Dengan adanya pindaan ini kelak akan bertambah baiklah keadaan perhubungan antara pekerja dengan majikan di dalam negara ini.

4.58 *ptg.*

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Bil ini untuk meminda Akta Perhubungan Perindustrian dan saya fikir dengan penuh yakin bahawa Bil ini mencerminkan kehendak dan hasrat Kerajaan untuk selalu memajukan kepentingan pekerja-pekerja di negara kita dan juga membawa pindaan kepada Rang Undang-undang Buruh yang difikirkan perlu diasaskan di atas pengalaman dan perbincangan di antara ketiga-tiga parti yang berkenaan dalam perhubungan perusahaan, khususnya Kerajaan atau public, majikan dan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta izin hendak menyambung ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, in this context, I wish to refer to the remarks made just now by the Honourable Member for Menglembu who also spoke on the welcome aspects of the provisions of this Bill that we have before us. However, I think he was clearly cynical in his support of the Bill and stated that the Bill at last represented a partial awakening of the Government to the workers' problems. The Honourable Member for Menglembu, I hope, will have the time in this House to learn to be gracious and acknowledge credit where credit is due. As far as I know, there are three interests to be balanced in any industrial relations matter—the public interest, the employers' and the workers' interest. It is only easy for some of us, particularly those sitting on the Opposition Benches, to recognise only one of these three interests and hold out against the Government or the employers. Therefore with the requirements of balancing such interests, it is always too easy and there is always opportunity at all times for people who are in the Opposition to play to the gallery of one of these interests which patently the Members of the Opposition have done just now.

The process of legislating on industrial relations must, I feel, always recognise experience as the main teacher and the strength of one of the three interests, be it the Government, the employers or the workers, as merely a point of expediency on which a particular action may or may not be

done, but experience as the main teacher should be our guide, and I think this Bill that we have before us is very welcome as it represents the steady improvements that have been made to the Industrial Relations laws as had been originally drafted in this country; and also it represents very close consultations between the three parties involved, i.e., the Government, the employers and the workers.

Sir, I have some particular remarks to make regarding Clause 9 of the Bill which introduces a new section 17A. The basic requirement for any industrial disputes, particularly those over dismissal, is for the matter to be resolved very quickly. This requires the Director-General of Industrial Relations, on whom is vested the responsibility to conciliate in these matters, to have sufficient and experienced staff who can make the contacts as far as possible and effectively conciliate in the dispute between employers and workers. Any action that is delayed or any action that is ineffective as a result of lack of staff or inexperienced staff is as good as no action at all; and the intentions of this Clause in the Bill must then become empty as the worker in this particular Clause, for instance, is not a member of a trade union and not represented by a trade union and he depends on the mercies of the conciliating officer for protection and for quick redress of his grievance. At present I think there are already a number of complaints by both employers and workers and trade unions that references to the Ministry take unduly long to get attended to or to get resolved if at all. I hope the Ministry will bear this in mind and ensure that Clauses such as this which are very welcome do, in fact, have force in the implementation by the required strengthening of the staff particularly with the senior staff who I think are a critical necessity in industrial relations.

Sir, I refer next to Clause 20 of the Bill which introduces provisions for dealing with non-compliance of awards by the Industrial Court or non-compliance with provisions of collective agreements which have been taken cognizance of by the Court. Sir, this Clause provides recourse to the Industrial Court straightaway in matters of non-compliance rather than reference to the Minister as it was in the previous section of the Act. I welcome this as it helps, I think, to avoid the many

delays and complaints that have occurred over the manner in which complaints under this section have been acted before by the Ministry. Here, again, staff is of critical importance, but in this case it is eminently better that references to the Court are provided for rather than a round-about way of references to the Minister and ultimately many of these end up in the Court. However, Sir, this provision in Clause 20 amending Section 53 of the principal Act is likely to be illusory in many cases as employers particularly have often gone to the courts of law, to the High Court, to seek writs of *certiorari* to squash awards of the Industrial Court on what have been, as demonstrated by the decisions of the Court in these cases, very flimsy grounds charging the Court with lack of jurisdiction or improper manner of handling these cases and so on. There have been already a number of such cases of applications to the High Court for *certiorari*, in other words prerogative writs, which have led to the awards of the Industrial Court being frustrated and the many workers and the families who had sought the award of the Court in the first instance are being frustrated and are being put into a great deal of difficulty as a result of these very clever delaying tactics of employers. It is, I think, right for us to take note—I think I am right in saying this—that in every case of application to the High Court for *certiorari*—and even some of them have appealed to the Privy Council—the Court has not awarded the application and the action of the Industrial Court, or the Minister as the case may be, has been upheld by these Courts. It is clear in these cases that the only people who gained were the lawyers who appeared in these matters and who were prepared in the face of the demand of equity, under which the Industrial Court was set up, in the face of pressing needs of thousands of workers, to take these matters up and advise employers accordingly; and the employers very shortsightedly and foolishly believed that they could frustrate the award of the Court or the just demands of the workers in these cases. I have in mind one very particular case which is still pending at the moment—the case of South-East Asia Firebricks Sendirian Berhad which is situated just outside Kuala Lumpur. The workers in this case were locked out by the employer as early as February, 1974—February 16th, to be exact—and the Industrial Court, to which

reference was made by the Minister, made an award in the middle of last year ordering reinstatement of all the workers as the Court had held that they had been wrongfully locked out. However, Sir, the company, which incidentally holds a pioneer certificate under the very liberal provisions of this Government for the promotion of the industrial development, refused to take the workers back in accordance with the award and instead resorted to two delaying steps to frustrate the award and to frustrate the workers who had gumption enough to bring this matter to the Minister and to the Court. The first step was—the step which I referred to just now—the application to the High Court for a writ of *certiorari* to squash the award of the Court on some grounds or other; and the second, which I think is even more serious, was that it took steps to re-organise the working system in the factory by resorting to the contract system and held that since it had re-organised the working system, it could not comply with the award by taking on these people as employees because it had no employee positions left. Everybody had to be employed by a contractor and that was it. Quite clearly in this case, dramatically the intentions of the Industrial Relations Act, the intention of the award of the Court, have been frustrated; and in this case over 60 or 70 workers have been held out in the street for more than a year and they continue to be so today. The High Court meanwhile has not ruled on the matter; the application is still pending and we are left with the game as it was as early as February, 1974.

In this matter, Sir, I wish to refer to section 29 (3) of the Industrial Relations Act which says that:

“Subject to this Act, an award of the court shall be final and conclusive and no award shall be challenged, appealed against, reviewed, squashed or called in question in any court of law.”

This refers to prerogative writs such as *certiorari*. Although the section of the law says that there shall be no application for *certiorari*, I think the High Courts have held indeed that this cannot be done by a subsidiary legislation such as this and that the right of natural justice still persists in matters such as this. They have gone on and heard these cases and, as I said invariably have turned them down. But in this case, Sir,

I think quite clearly, in the interests of industrial peace, in the interests of equity and justice, particularly if the large mass of workers who ought to be protected, as we are seeking to do through this amendment today, we have to look further into this matter and ensure that Clause 20 of this Bill can in fact be enforced and that in fact the desired result will be achieved by observance, compliance, by all parties concerned with the Court's awards where they are made or with collective agreements which are voluntarily reached. I think, Sir, that in this case the troublesome provision which denies instant implementation of a Court's award is not particularly in the Industrial Relations Act, it is in the Courts of Judicature Act of 1964 which vests the High Court with powers to entertain writs of *certiorari* and so on on any ground whatsoever. I think in this case while we recognise the necessity of the requirement of natural justice, we also must recognise the interest of equity and justice for the workers with which we are concerned in the Industrial Relations Act and that is why this House had enacted this Act.

I think, Sir, that, in fact, if it proves difficult to do away with prerogative writs in matters which have been dealt with under the Industrial Relations Act, at least I think we should make provision to ensure that the High Court does not in fact grant leave for any application for *certiorari* to any party be it employer or worker unless that party shall first have complied with the Court's award—shall first have complied and brought it into practice, implemented the Court's award or the collective agreement before it went on to a writ of *certiorari*. In this case, Sir, such a screening device, which still allows for a redress to natural justice, a screening device such as this where applications for writs are denied or delayed until the party concerned shall first have implemented or observed the award, would prevent bogus applications, applications which have no genuine legal grievance to be thrown out rather than as in the case of the South-East Asia Firebricks for hundreds of workers' dependants and families to be left in the streets to suffer the consequences of the strength and the impunity of the employers who now choose to flout the law.

This also raises another point, Sir, which is not dealt with by this amendment but which I hope the Minister will consider at an

appropriate moment, i.e. the question of contract workers. This has been a bugbear for the workers of this country and in the case of South-East Asia Firebricks with all the headaches that were involved in providing just terms and conditions of employment for its workers, the employer chose to go out on contract where the labour contractor hired and provided the services of labour that he required for his principal business of making bricks, tiles and so on. Contract labour has quite clearly become an escape clause whereby the very many provisions which have been legislated by this Honourable House for the protection and advancement of workers' interests have been flouted, have been ignored with impunity by employers by this devise of contract labour. Quite clearly, Sir, the provisions of the law in respect of the benefits for these workers are not enforceable or at least difficult to be enforced where contract labour is concerned because various grounds are held out that this is not contracted out labour but fall labour and so on and ultimately it is the worker who suffers and ultimately there is a complete negation of the protection and benefits that labour legislation, including this Industrial Relations Bill, seeks to provide for workers. I would hope that the Minister do at a very early stage establish a Task Force or a Select Committee to go into this matter of contract labour and look into the possibility of providing contract labour regulations as they have in India and a number of other countries or the establishment of contract Labour Advisory Bureau to which references may be made to ensure that this malign practice of resorting to contract labour to avoid providing benefits to workers does not become more and more extensive as it now does appear to be.

I have just a last comment, Sir, which is based on the penalty provision of the Industrial Act which also was sought to be raised by this Bill. I would refer particularly, Sir, to Section 43 (2) of the Act which provides penalties for illegal strikes and lockouts. The penalty on first offence is \$1,000 or imprisonment and a fine of \$50.00 for every day on which an offence of an illegal strike or lock-out may continue. To an employer, Sir, the payment of \$50.00 for every day for continuing an illegal lockout which he has enforced from the beginning to flout the interest of labour is nothing at all. He could spend it on a few drinks to his most favoured

friends, to his clients and so on and this \$50.00 does not provide a sufficient deterrent to any employer to ensure that he quickly settles such illegal lockouts and so on.

I hope, Sir, the Minister will take these observations of mine into consideration. I would like still to welcome the provisions in this Amendment Bill as a real advancement in the practice of industrial relations in this country and I hope that he will, from time to time, based on experience, have occasion to make further improvements to the law that we have.

5.17 *ptg.*

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian menyokong Akta Perhubungan Perindustrian (Pindaan), 1975 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan. Saya sangat-sangat menghargai pindaan-pindaan yang dibuat di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai tenaga buruh yang kuat. Oleh itu kita sudah sepatutnya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja. Sering kali berlaku pertikaian di antara majikan dan pekerja-pekerja dan si pekerja ini mempunyai keluarga dan anak-anak yang bersekolah dan kita tahu di masa ini dengan kenaikan harga barang-barang dan kemerosotan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu dua majikan yang tidak ikut arahan dari Mahkamah Perindustrian. Misalnya membuang pekerja-pekerja. Jika diminta ianya diambil balik pihak majikan akan mencari jalan supaya mengelakkan dari arahan Mahkamah itu. Kalau si pekerja itu dari seorang ahli dalam mana-mana Kesatuan Sekerja bolehlah kesatuannya (union) mengambil tindakan. Jika ianya tidak menjadi ahli sebagaimana yang saya sebutkan tadi ianya teranianya, maka dengan ini saya harap dengan pindaan Undang-undang yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan kita akan dapat menimbang dengan seadil-adilnya supaya pihak majikan dan pihak pekerja akan mendapat pertimbangan yang adil dan kedua-dua pihak ini akan berpuashati. Kita tahu di negara kita ini pihak pekerjalah yang teranianya dengan keadaan majikan-majikan yang banyaknya

di kilang-kilang sebagai buruh kasar. Saya harap dengan pindaan yang tersebut kedua-dua pihak akan berpuas hati.

5.20 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah memberikan beberapa teguran-teguran yang membina kepada Rang Undang-undang ini. Sebagaimana saya telah katakan tatkala mengemukakan Rang Undang-undang ini tadi, pindaan-pindaan yang telah dibentangkan pada masa ini ialah berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang timbul sedikit masa yang lalu. Dalam pada itu, kalau sekiranya ada perkara-perkara yang lain timbul dalam bidang perusahaan kita, pada bila-bila masa kita sedia meminda lagi undang-undang yang sedia ada ini. Saya suka hendak memberi jawapan kepada beberapa teguran yang telah dikemukakan tatkala membahaskan Rang Undang-undang ini tadi.

Ahli dari Kepong telah menyebutkan bahawa Fasal 12 (3) Undang-undang asal itu sebagai tidak perlu. Fasal ini berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak boleh dikemukakan oleh Kesatuan Sekerja dalam masa membuat tuntutan perjanjian bersama. Dalam soal ini sukalah saya menegaskan bahawa kita masih merasai Fasal 12 (3) itu sebagai perkara yang perlu untuk kepentingan negara, dan walau bagaimanapun kalau sekiranya nanti ada perkara lain yang timbul kita akan menyemak dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan cara mengakui sesebuah Kesatuan Sekerja, sebenarnya apa yang penting diperhatikan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ialah bahawa sesebuah Kesatuan Sekerja itu benar-benar mewakili ahli-ahli ataupun pekerja-pekerja disesuatu tempat pekerjaan itu. Kadang-kadang sebenarnya jumlah ahli sahaja tidaklah menjadi syarat untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengakui sesebuah kesatuan untuk mengarah majikan sesebuah tempat perusahaan itu mengakui sesebuah Kesatuan Sekerja, tetapi apa yang perlu ialah bahawa Kementerian Buruh berpuas hati keahlian kesatuan itu dapat mewakili pekerja-pekerja yang bekerja di situ.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli telah menimbulkan masalah adanya keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan tidak

dapat dipatuhi oleh beberapa majikan dan dalam kes ini telah disebutkan berkenaan dengan South East Asia Firebrick Industries yang barangkali telah dimaklumi oleh Ahli-ahli Dewan ini. Sebagaimana Ahli-ahli maklum bahawa sistem perundangan kita di dalam negeri ini begitu flexible iaitu memberi peluang kepada mana-mana pihak yang bertikaian supaya berpuas hati, sungguhpun di dalam keadaan sekarang ini nampaknya membolehkan majikan-majikan mengengkar keputusan Mahkamah Perusahaan dan memanjangkan sesuatu kes kepada Mahkamah Tinggi hatta kepada Privy Council seperti yang pernah berlaku di antara sebuah syarikat bas dengan pekerja-pekerjanya sedikit masa dahulu. Fasal seperti itu masih dirasakan perlu sebab syarat-syarat yang melonggarkan—kalau ini dianggap sebagai satu perlonggaran—tidaklah bermakna memberi kelonggaran kepada pihak majikan semata-mata. Tetapi kalau sekiranya pihak union, pihak pekerja tidak juga berpuas hati kepada sesuatu keputusan, maka pihak union juga boleh memanjangkan kes itu kepada mahkamah yang lebih tinggi. Oleh sebab ini diselaraskan dengan sistem perundangan kita yang memberi peluang seluas-luasnya kepada sesuatu pertikaian supaya boleh mengemukakan kepada mahkamah ulang bicara dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh berjanji di sini sekiranya fasal keadaan seperti ini boleh menyebabkan pekerja-pekerja terannya kita akan melakukan pindaan pada masa yang akan datang kelak. Di dalam kes yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli iaitu pertikaian South East Asia Firebrick Industries itu sukalah saya maklumkan di dalam Dewan ini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mengambil langkah dan tindakan yang segera di dalam menyelesaikan masalah ini. Pada minggu hadapan pihak Kementerian Buruh akan memanggil pihak-pihak yang bersangkutan ini supaya memberikan penjelasan yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan kes ini. Saya boleh memberi jaminan di dalam Dewan ini sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan tidak memuaskan, maka Kementerian Buruh akan bertindak mengikut peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Undang-undang Perhubungan Perusahaan ini untuk menyelesaikan kes itu. Dalam soal ini saya

menyeru kepada majikan-majikan yang bersangkutan supaya mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan itu. Jikalau tidak, pihak Kementerian Buruh akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memelihara kepentingan-kepentingan pekerja-pekerja yang terlibat. Dalam konteks ini juga saya suka mengingatkan kepada pihak-pihak majikan supaya tidak mempermain-mainkan semua undang-undang yang ada di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab ulasan-ulasan yang telah dikemukakan oleh Ahli dari Sungai Siput adalah dinyatakan di sini bahawa keputusan Mahkamah Perusahaan boleh mengambil berbagai-bagai bentuk keputusan melihat kepada keadaan kes. Umumanya:

- (a) Pengambilan balik pekerja serta bayaran gaji kebelakangan yang penuh daripada tarikh dibuang kerja hingga tarikh diambil balik bekerja.
- (b) Bayaran pampasan tanpa pengambilan balik si pekerja.
- (c) Rayuan-rayuan si pekerja untuk diambil balik kerjanya ataupun ditolak kerana pembuangan kerjanya didapati berpatutan.

Mengenai satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Bau-Lundu patutlah disebutkan di sini bahawa mengikut Undang-undang Buruh yang ada sekarang ini seseorang majikan wajib menyimpan daftar pekerja-pekerjanya yang mesti mengandungi butir-butir mengenai nama, umur, jantina, tarikh mula bekerja kadar gaji dan lain-lainnya. Kalau sekiranya seseorang majikan melanggar dan tidak mematuhi syarat-syarat ini, maka pihak Kementerian Buruh boleh menjalankan tindakan jika sekiranya ada laporan yang sebenarnya mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan-ulasan yang dibangkitkan oleh seorang Ahli, iaitu berapa lama sesuatu kes pembuangan kerja seseorang yang tidak menjadi ahli mana-mana Trade Union apabila tidak dapat diselesaikan oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dan akan dirujuk kepada Menteri, berapa lama Menteri akan mengambil masa, maka di sini saya boleh memberi jaminan bahawa Menteri akan mengemuka kes-kes itu dengan seberapa segera kepada Mahkamah Perusahaan. Di dalam hal ini sebenarnya adalah

tidak menjadi kelaziman Menteri melambatkan kes-kes seperti itu daripada dirujukkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memberi ucapan terima kasih kepada teguran-teguran Ahli-ahli atas Rang Undang-undang ini dan walau bagaimanapun nampaknya Rang Undang-undang ini dapat diterima oleh Ahli-ahli di dalam Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengusulkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Hakcipta (Pindaan), 1975, iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Hakcipta 1969, dibaca bagi kali yang kedua.

Meskipun Akta Hakcipta, 1969, sejak diluluskan telah berjalan dengan memuaskan, terdapat juga beberapa kes pelanggaran hakcipta yang ternyata. Dengan perkembangan karya-karya sastera dan industri tempatan, Kementerian saya telah membentuk sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil dari Kementerian-kementerian Pelajaran dan Penyiaran, Jabatan Peguam Negara, Perpustakaan Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengkaji

semula Akta itu dengan tujuan untuk mengetahui mana-mana kelemahan yang terdapat dan juga mencadangkan langkah-langkah bagi menggalakkan pertumbuhan yang sempurna perusahaan percetakan dan rakaman tempatan. Jawatankuasa itu telah mengadakan perundingan dengan beberapa badan termasuk di antaranya Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Penerbit-penerbit Buku dan juga beberapa syarikat-syarikat rakaman. Cadangan Jawatankuasa ini terdapat pada Rang Undang-undang yang sedang dikemukakan kepada Dewan sekarang. Adalah dianggap bahawa cadangan pindaan yang dikemukakan terhadap Akta Hakcipta akan menolong mengatasi kelemahan-kelemahan ini dan juga menghapuskan kegiatan melanggar Akta Hakcipta.

Pada masa ini pemilikan ataupun pengimpotan salinan yang ditiru untuk kegunaan persendirian tidak menjadi kesalahan. Adalah dianggap perlu untuk mengadakan peruntukan supaya keadaan pemilikan dan pengimpotan bebas ini tidak disalahgunakan. Fasal 15 Akta ini perlulah dipinda untuk menjadikan seseorang yang mempunyai tiga atau lebih salinan ditiru dianggap sebagai mempunyai satu atau pun mengimpot salinan ditiru itu bagi tujuan selain daripada kegunaan persendirian dan beban bukti akan terletak kepadanya untuk menafikan anggapan ini. Kiranya ia tidak dapat mengemukakan bukti itu ia adalah salah kerana mempunyai ataupun mengimpot salinan tiruan selain daripada kegunaan persendirian.

Denda yang dikenakan menurut Akta ini pada masa sekarang adalah terlalu rendah untuk menghalang kegiatan melanggar hakcipta itu. Oleh itu dicadangkan supaya denda bagi tiap-tiap satu kesalahan melanggar dinaikkan dari \$200 kepada \$2,000 dan denda maksima dikenakan bagi satu-satu kesalahan dinaikkan dari \$50,000 kepada \$100,000. Adalah diharapkan dengan menaikkan denda ini ianya akan menambahkan kesan bagi menghalang kegiatan melanggar Akta Hakcipta.

Akhirnya, Akta ini dipinda untuk mempercepat bukti pemilikan hakcipta dengan mengadakan "affidavit" bagi seseorang yang menuntut pemilikan hakcipta diterima dalam percabaran jenayah mahkamah sebagai bukti "prima facie" akan pemilikan hakcipta itu. Ini boleh mengatasi masaalah-masaalah yang berbangkit dalam mana

pihak yang mempunyai hakcipta dengan sebab-sebab yang tidak dapat hadir sendiri memberi kenyataan dalam satu-satu pembicaraan dan dengan itu affidavit yang dikemukakan itu bolehlah diterima sebagai satu kenyataan di dalam satu-satu pembicaraan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.36 p.m.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Kita sudah sama-sama mengkaji satu-satu ciptaan baik pun buku ataupun lagu, kalaulah ciptaannya dicuri oleh orang lain sedangkan tindakan yang sewajarnya tidak diambil, maka tidak dapat tidak semangat untuk mencipta samada buku ataupun lagu ini membawa kebosanan kepada tiap-tiap pencipta tadi. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya fikir apa yang telah berlaku di masa-masa yang lepas tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian, tetapi ini bukanlah disebabkan saya salah seorang yang pandai. Dari segi agama Islam, pada pendapat saya salah satu sebab yang membawa ikhtilaf ataupun perbalahan dalam segi agama adalah disebabkan kadang-kadang salah riwayat kerana setengahnya diambil dari orang lain. Jadi, kalaulah sekarang ini kita katakan ciptaannya dicuri daripada ciptaan orang lain misalnya di masa Nabi atau di masa zaman-zaman selepas daripada zaman Islam "Urafak Urasidin" ataupun diriwayatkan oleh yang berkenaan, maka perkara yang tersebut patut sangatlah kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat segala ciptaan-ciptaan tentulah memakan masa oleh tiap-tiap pencipta tadi. Dan perkara ini patutlah juga dibagi galakan oleh Kerajaan selain daripada mengambil tindakan kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, kepada orang-orang yang berusaha untuk menciptakan terutama karangan-karangan seperti karangan-karangan

buku. Pada pendapat saya kalaulah Kerajaan pada masa ini menggalakkan pertandingan-pertandingan lagu sepertimana yang kita tahu tiap-tiap tahun diadakan pertandingan kugiran-kugiran dan sebagainya juga pertandingan lagu-lagu langgam dan lagu-lagu Melayu asli. Jadi karangan-karangan kita pada masa ini amatlah kekurangan terutama dari segi ciptaan, karangan ugama Islam, sosial akhlak dan sebagainya. Dengan itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan patut mengadakan pertandingan-pertandingan untuk mencipta karangan-karangan yang bercorak ugama dan juga mengadakan karangan-karangan yang bercorak pembangunan serta menyediakan hadiah-hadiah sepertimana yang diadakan dalam pertandingan-pertandingan lagu-lagu langgam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang ini kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan). Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah di luar daripada Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan perkara tersebut bersangkutan dengan hakcipta yang menyebabkan kurangnya orang mengambil tindakan untuk mencipta karangan-karangan dan juga lagu-lagu selain daripada langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan.

5.41 ptg.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Kulim—Bandar Baru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan), 1969.

Saya rasa undang-undang ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah dengan maksud hendak mengetat dan menjayakan tujuan undang-undang tersebut. Tetapi satu keraguan yang saya ingin membangkitkan di dalam Dewan ini ialah mengapa seseorang itu tidak boleh dijadikan satu kesalahan sehingga dia memiliki tiga naskhah. Saya rasa perlu menjadi suatu kesalahan kalau sesiapa yang memiliki benda-benda, buku-buku atau barang-barang rakaman yang dibuat secara haram. Kalau dapat dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan lain, saya rasa adalah menjadi kesalahan seseorang itu

menyimpan barang-barang yang telah diharamkan, walaupun mereka memiliki cuma satu naskhah sahaja.

Satu contoh yang patut saya berikan iaitu berkenaan dengan sebuah buku yang telah diharamkan oleh Kerajaan, dikarang oleh salah seorang Ahli Dewan ini pada tahun 1969, buku itu bukan sahaja salah dicetak tetapi salah dijual dan salah dimiliki oleh sesiapa juga dalam negeri ini. Saya rasa kalau undang-undang ini hendak dijalankan dengan berkesan maka bukan sahaja patut menjadi kesalahan pada orang yang mencetak secara haram tetapi orang yang menjual, malahan orang yang memiliki buku-buku itu mesti dihukum sama.

Satu perkara lagi yang saya ingin membangkitkan dalam hal ini ialah tentang semangat pelaksanaan Undang-undang ini. Berdasarkan kepada Undang-undang ini iaitu Hakcipta 1969, pernah terjadi pelaksanaan Undang-undang itu tidak dijalankan dengan betul atau mungkin orang-orang yang hendak melaksanakan Undang-undang ini tidak tahu betul-betul maksud dan tujuan Undang-undang Hakcipta, 1969. Saya beri contoh bahawa suatu kejadian yang berlaku pada tahun 1972. Ada seorang penerbit beserta dengan dua orang pengarang telah mengadu bahawa buku mereka telah dicetak secara haram kepada seorang Penolong Pesuruhjaya Polis di Ibu Pejabat Polis Diraja Kuala Lumpur. Tetapi malangnya sewaktu report itu dibuat Penolong Pesuruhjaya Polis tersebut selain daripada meminta keterangan dan meminta pula orang itu menunjukkan tempat mencetak supaya polis dapat melakukan tangkapan. Dalam perkara ini pelaksanaan Undang-undang ini terbengkalai begitu sahaja dan nampaknya pengaduan yang dibuat oleh penerbit dan kedua orang pengarang ini menjadi sia-sia dan tidak dapat dijalankan oleh pihak Polis. Saya sangat berharap sewaktu hendak melaksanakan Undang-undang ini pihak yang menjalankan undang-undang haruslah mengetahui dengan sepenuhnya tujuan diadakan undang-undang ini semuga orang-orang yang ada berkaitan yang berhak mendapat perlindungan di bawah undang-undang ini dapat pembelaan yang sewajarnya.

5.45 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

menyokong pindaan suatu Akta yang dikatakan Rang Undang Hakcipta, 1975.

Saya rasa Rang Undang-undang Hakcipta ini memainkan peranan yang penting di dalam negara kita yang sedang membangun dari dua aspect terutama sekali dari segi pendidikan dan pelajaran di mana hakcipta berkenaan dengan bahan-bahan buku-buku, dan yang kedua dalam bidang perusahaan perindustrian sendiri terutama sekali dalam masalah menjaga kepentingan orang ramai daripada ditipu oleh barang-barang tiruan yang menggunakan label yang menyalahgunakan hakcipta orang lain. Jadi, kita berharap dengan adanya pindaan Hakcipta ini dapatlah memberi perlindungan dalam bidang pendidikan dan pelajaran kepada penulis-penulis dan dalam bidang perindustrian kepada pereka-pereka yang telah menjalankan initiative dan juga kepada pelukis-pelukis yang telah dapat mengeluarkan label-label terutama sekali dalam jualan barang-barang makanan.

Sekali lagi, saya berharap dengan adanya pindaan Akta Hakcipta ini, maka dapatlah Kerajaan melaksanakan dengan sempurnanya melalui Kementerian yang berkenaan.

5.47 ptg.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Pindaan Rang Undang-undang Hakcipta ini. Oleh sebab pindaan ini adalah telah lama kita menunggu, dengan pindaan yang dibawa adalah kena pada tempatnya dan akan mengatasi beberapa masalah yang kita hadapi dalam perkara hakcipta ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin hendak menyambungkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this Bill in providing for the acceptance of affidavits by owners to prove that copyrights subsisted at a particular point in time and that the matter in the affidavits was the matter to which a copyright relates is long overdue, as it has been a serious problem to people who have to enforce their rights of copyright, particularly in respect of matters which interest budding local artistes, local writers and so on. We are only too well aware that at the moment recorded works such as those of singers like Sharifah Aini, P. Ramlee and so on are being pirated by the thousands and

that these artistes who had struggled to establish their names and fame and indeed to earn a living as talented artistes are, in fact, suffering deprivation of income as a result of deprivation of royalties by people who pirate works of art such as those of these singers. We are also finding in the market today, because of the shortages of works in Bahasa Malaysia, particularly those which use the new spelling, a lot of textbooks which use the new spelling are being pirated by non-professional "practitioners" in order to gain instant profits and to meet a real demand in the market because these books are in short supply. However, this amendment will ensure that such people can be quickly brought to court and that the creators of these works, the artistes or the writers, may ensure that their properties are safeguarded as this Act was supposed to do when we enacted it in 1969.

I wish to bring to the attention of the Minister, Sir, just one problem, which I think is a serious problem, in respect of this Copyright Act which is still not covered by this Amendment. This is the question of copyrights in respect of foreign works. Under Section 20 of the Act, if I am not wrong, unless any work is published in this country, it does not enjoy copyright protection of this law of 1969; or if the foreign work is published in this country within one month of its first creation or first publication elsewhere, then the protection of the Copyright Act of 1969 will be accorded to that work. This, Sir, is most unsatisfactory as it is acting against the interest of wide distribution of very useful literature and material in this country as we have, right now, too many pirates who could distribute these works at less than 20% or 30% of the original price of that work. This is restricting unduly the circulation of works which could be very beneficial to this country. I appreciate, Sir, that this provision—Section 20 of the law—is designed to ensure that we enjoy comparative advantage as opposed to developed countries which usually create thousands and thousands of works which enjoy copyright. One may well ask why should we protect works which are created in other countries. We at this stage of development, Sir, must appreciate that we still do depend for a lot of publications and works from foreign countries and the Act indeed recognised that and said that if the publication of the work occurred within

Malaysia one month after it was first created, then the protection of the Copyright Act would subsist. But one month for this to be done, Sir, is extremely short. One could take a plane and get delayed looking for a printer or a creator of records and one month could well have passed and, therefore, any protection that the creator of that work sought in this country would be lost.

I would hope that the Minister could either extend the period within which protection can be accorded to foreign works to something like three months or the possibility could be examined for us to reciprocally recognise copyright rights in other countries—they recognise our copyrights and we recognise theirs. This we can do if we proceed with caution. I think we can derive some benefits, or the simplest alternative would be to extend this period of one month and I think we would have acted in our interest of obtaining beneficial foreign works.

5.53 *ptg.*

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong dengan kuatnya atas pindaan Rang Undang-undang Hakcipta ini sambil memberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang nampak betul-betul di mana suatu kesulitan yang dihadapi oleh hakcipta itu dengan menambah dan meminda dalam fasal yang ke 15, kerana selama ini kebanyakan orang nampak hakcipta itu diambil oleh penulis sahaja, kalau tidak dapat menangkap penulis yang merompak hakcipta itu kita biarkan begitu sahaja dengan tidak dapat mendenda dan mencari penulis yang membuat rompakan itu.

Juga kadang-kadang kita tidak hirau sangat orang yang mencitak balik hakcipta yang dirompak itu kerana kita fikir ia tidak menulis dan juga kadang-kadang kita tidak dapat menghukum orang yang menyimpan atau menjual hakcipta yang dicetak itu kerana mereka selalu berkata bahawa ia tidak menulis, ia cuma menyimpan dan ada orang yang menghantar ke kedainya dan ia menjualkannya. Tetapi dengan adanya pindaan yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan pada Fasal 15 itu dengan boleh menangkap dan mendapati bersalah orang-orang yang menyimpan lebih daripada tiga naskah yang bukan untuk sendiri mereka

boleh dihukum kerana melanggar undang-undang hakcipta. Ini boleh menyelamatkan daripada hakcipta itu dirompak begitu berleluasa, kerana selama ini orang-orang yang menyimpan lebih naskah inilah yang menjual di kedai-kedai mereka dengan mendapat keuntungan yang banyak kerana mereka mendapat daripada pembelian yang murah oleh sebab naskah itu dicetak dengan murah, tidak pula dikarang dan tidak dibayar royalty kepada penulisannya, mereka inilah yang untung. Tetapi dengan adanya pindaan undang-undang ini maka bolehlah pihak yang berkuasa dapat meneliti dan menangkap orang-orang yang mendapat keuntungan yang besar ini.

Pernah terjadi pada masa dahulu hak buku-buku Dewan Bahasa umpamanya, buku-buku sekolah rendah, didapati dicetak di luar negeri dan dibawa masuk dalam negeri kita oleh saudagar-saudagar yang mencari keuntungan dan dijual oleh kedai-kedai, tetapi oleh sebab barangkali tidak ada undang-undang yang boleh menghukum pemilik-pemilik buku-buku pelanggar itu, maka selama itulah undang-undang ini tidak dapat dijalankan dan pihak yang mengimpot dan menjual di kedai-kedai itu dari semasa ke semasa beroleh keuntungan yang banyak. Tetapi dengan adanya pindaan undang-undang ini, saya harap pihak yang berkuasa akan lebih meneliti bukan sahaja mencari orang yang merompak dalam hal penulisan, tetapi orang-orang yang menyimpan hak yang dicetak daripada rompakan-rompakan itu sendiri boleh dihukum dan didenda dengan ditambah pula lagi denda yang lebih berat. Ini menunjukkan bahawa pihak yang berkenaan benar-benar hendak menolong pemunya karya itu supaya tidak berlaku hal-hal rompakan cipta ini berleluasa berlaku di negara kita.

Sekali lagi saya menyokong kuat pindaan ini.

5.58 *ptg.*

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat dan pandangan terhadap cadangan pindaan kepada Akta Hakcipta ini.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru kenapa perlu diadakan tiga naskah baru seseorang itu didapati menyimpan atau mempunyai barang hakcipta tiruan yang boleh dibawa ke Mahkamah, sukaiah saya menyatakan bahawa kesalahan yang dinyatakan di dalam undang-undang pindaan ini ialah semata-mata kesalahan kerana memperolehi atau menyimpan barang-barang ini dan adalah didapati bahawa sebelum seseorang itu didapati salah ataupun dianggap melakukan kesalahan di bawah Akta ini kerana menyimpan satu-satu naskah ataupun barang tiruan, maka perlulah dianya mempunyai lebih daripada satu barang itu, kerana kalau dia mempunyai satu sahaja mungkin ini bukti bahawa dia memperolehi barang ini dengan tujuan untuk kegunaannya sendiri. Undang-undang pindaan ini memerlukan bahawa mestilah ada bukti bahawa orang itu mempunyai sekurang-kurangnya tiga barang tiruan itu sebelum boleh dibawa tuduhan bahawa ia ada menyimpan barang tiruan yang menjadi kesalahan di bawah undang-undang ini.

Tentang pandangan Yang Berhormat itu juga bahawa pada masa yang lepas perlaksanaan Undang-undang Hakcipta ini tidaklah begitu teguh dengan kerana itu pihak-pihak yang telah mengalami kesusahan atau penderitaan oleh kerana barang-barang ataupun karya-karyanya ditiru oleh orang dan tidak ada pembelaan daripada pihak sesiapa pun, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa memang di masa-masa yang lepas perkara ini adalah di dalam kelolaan ataupun jagaan pihak Polis yang bertanggungjawab di bawah satu-satu perkara jenayah ke Mahkamah, tetapi dengan kerana perkara ini biasanya jarang dibawa kepada pihak Polis ataupun kalau dibawa keterangan bukti yang dibawa itu adalah tidak mencukupi bagi pihak Polis meneruskan pendakwaan di Mahkamah dan ada perkara-perkara yang telah dibawa itu tidak diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan iaitu pihak Polis supaya dibawa tuduhan ke hadapan oleh kerana ia menyalahgunakan hakcipta ini di Mahkamah.

Tetapi dalam perkara ini, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian berat di dalam perkara ini dan mengarahkan pegawai yang berkenaan supaya diadakan satu

baghagian khas dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya bertanggungjawab menerima aduan daripada pihak-pihak yang terlibat di dalam perkara menyalahgunakan Hakcipta itu untuk boleh Kementerian saya memberi apa sahaja panduan, nasihat malahan pertolongan untuk satu-satu perkara itu boleh dibawa ke Mahkamah untuk pendakwaan dan sekiranya didapati perlu satu-satu pendakwaan itu dijalankan di Mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyatakan bahawa Kementerian saya patut juga mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan peniruan barang-barang. Di sini sukaiah saya menyatakan bahawa peniruan barang-barang selain daripada yang dinyatakan dalam Undang-undang ini seperti buku, filem, gambar, recording, piring hitam dan siaran-siaran, barang-barang lain itu adalah dikawali oleh satu undang-undang lain iaitu Undang-undang Trade Mark. Dan kalau sekiranya ada peniruan semacam itu dilakukan terhadap barang-barang tindakan sewajarnya akan diambil di bawah Undang-undang yang berkenaan iaitu Undang-undang Trade Mark dan bukan di bawah Undang-undang Hakcipta ini.

Pendapat Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan banyak karya ataupun buku karangan yang diimport daripada luar negeri iaitu karangan yang dibuat oleh pengarang-pengarang daripada luar negeri, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa Undang-undang ini adalah meliputi karya ataupun barang-barang seperti buku-buku yang dikarang oleh seorang rakyat di dalam negara ini ataupun seorang yang duduk tetap di dalam negara ini, ataupun barang-barang itu adalah barang-barang kepunyaan satu body corporate atau badan berkanun yang terikat di bawah undang-undang yang ada di dalam negara ini dan tidak terkena kepada barang-barang ataupun buku-buku, rekod-rekod yang dicipta ataupun di buat di luar negeri. Tentang perkara ini, sukaiah saya nyatakan bahawa Malaysia pada masa ini tidak dapat menyertai mana-mana konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta, kerana dengan berbuat demikian ianya akan mendatangkan lebih kerugian dari keuntungan kepada Malaysia disebabkan pada masa ini lebih banyak karya-karya asing yang masuk ke negara ini daripada karya-karya Malaysia yang masuk ke pasaran asing. Bagaimanapun

Malaysia memberikan perhatian kepada deraf konvensyen hakcipta yang dirangka bagi negara-negara yang sedang membangun dan Malaysia mungkin menimbangkan untuk menyertainya apabila deraf konvensyen hakcipta tersebut selesai disediakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi bahagian daripada Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan, 1975" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini, sebagaimana yang diterangkan dalam Huraian ialah untuk meminda Seksyen 52, Akta Cukai Perkhidmatan, 1975 untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan dan kewajipan-kewajipan dua orang atau lebih yang dilantik sebagai penerima di bawah Seksyen ini.

Seksyen 52 Akta tersebut menguntukkan jika seseorang penerima dilantik bagi menguruskan harta seseorang kepada siapa satu lesen cukai perkhidmatan dikeluarkan, penerima itu adalah dikehendaki memberi notis kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais di Raja dalam tempoh 14 hari selepas lantikan itu dibuat. Sebelum melupuskan apa-apa aset harta orang itu penerima adalah dikehendaki mengumpukkan sesuatu jumlah

wang dari aset sebagaimana yang diperhatikan oleh Ketua Pengarah mencukupi untuk membayar apa-apa cukai perkhidmatan yang ada atau akan kemudian daripada itu menjadi kena bayar ke atas perkhidmatan dan barang-barang bercukai yang dibekalkan oleh orang itu sebelum perlantikan penerima. Seksyen ini seterusnya menguntukkan jika seseorang yang dilantik sebagai penerima tidak memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan atau tidak mengadakan peruntukan bagi membayar cukai perkhidmatan dia adalah dikehendaki sendiri menanggung apa-apa cukai perkhidmatan yang kena bayar.

Sekarang ini tidak ada peruntukan yang sama bagi kes yang melibatkan dua orang penerima atau lebih yang dilantik bagi tujuan yang saya sebutkan tadi. Oleh itu adalah dicadangkan supaya peruntukan diadakan dalam undang-undang bahawa jika dua penerima atau lebih dilantik, mereka adalah bertanggungjawab bagi tanggungan-tanggungan dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada seorang yang dilantik sebagai penerima samada secara bersama atau masing-masing. Peruntukan ini adalah selaras dengan Seksyen 51 berkenaan dengan tanggungan-tanggungan dan kewajipan-kewajipan bagi seorang pelikwidasi atau pelikwidasi-pelikwidasi sebuah syarikat yang mana dalam proses penggulgungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.11 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya menggunakan peluang ini memberi sedikit ulasan atas Akta Cukai Perkhidmatan ini.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Speaker, I rise to make a few comments on this Bill and in particular to the principal Act itself. Since the introduction of this 5% service tax on services provided by hotels for entertainment, for food and accommodation, numerous hoteliers

in the country have expressed their fear that this service tax may have adverse effects on the Government's efforts to propagate the idea that Malaysia is a cheap tourist centre.

Tuan Speaker, I would like to impress upon the Honourable Finance Minister that the fear expressed by these hoteliers is not unfounded. At a time when our Government is striving to promote its tourist trade, it is only appropriate that we should consider to what extent this service tax has affected tourist promotion and the hotel trade in our country.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat please concentrate on the amendment and not on the principal Act.

Tuan Lee Lam Thye: I am just touching in brief on the Act.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Not on the Act but on this amendment only.

Tuan Lee Lam Thye: Mr Speaker, Sir, as I have said just now, I mentioned that there is a fear amongst hoteliers that their business may be affected as a result

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yes, you had the opportunity to speak on that when the House debated the Act before.

Tuan Lee Lam Thye: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua. As the representative for Kuala Lumpur Bandar in which numerous hotels of various sizes exist, many hoteliers have confided in me that their businesses have been adversely affected as a result of the imposition of this service tax; in particular, the very small hotels which are nothing more than lodging houses are the worst hit by the service tax and I would like to take this opportunity to appeal to the Honourable Deputy Minister of Finance that perhaps the Government could consider to waive this 5% service tax on these small hotels which are nothing more than lodging houses. That is about all. Terima kasih.

6.13 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil perhatian atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya pun mengaku bahawa saya sendiri telah menerima

beberapa rayuan dan aduan daripada pihak-pihak hotel, khususnya pihak hotel yang kecil dan rayuan-rayuan tersebut sedang dikaji oleh Perbendaharaan. Ada juga masalah oleh kerana hotel-hotel yang kecil itu enggan ataupun segan hendak menyimpan rekod-rekod oleh kerana barangkali hotel-hotel kecil itu mengadakan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan. Saya juga mengambil perhatian atas rayuan-rayuan itu dan sedang mengkaji kes demi kes samada patut hotel itu diberi kecualian dari cukai ataupun tidak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, 1966 (Pindaan), 1975 Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa bidang pengurusan adalah semakin hari semakin complex dan sekarang ini semakin banyak institusi-institusi awam dan juga swasta yang menggunakan kemudahan-kemudahan latihan di Pusat Daya Pengeluaran Negara dan mengambil berat di atas

kemajuan pusat ini, maka sudah wajar Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara disemak semula.

Maka adalah ini berasaskan kepada beberapa faktor seperti berikut: Sejak tahun 1966 sudah banyak perubahan mahupun dari segi nama ataupun fungsinya terdapat di dalam Kementerian-kementerian yang diwakili di dalam Majlis termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri, maka sudah wajar pindaan dibuat untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan ini. Juga sejak tahun 1966 sudah banyak universiti-universiti dan juga institusi-institusi pelajaran tinggi selain daripada Universiti Malaya yang telah ditubuhkan. Memandangkan yang demikian adalah tidak wajar jika institusi pelajaran tinggi hanya diwakili oleh Universiti Malaya.

Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada semua institusi pelajaran tinggi diwakili di dalam Majlis. Pada masa ini terdapat banyak organisasi-organisasi swasta yang melibatkan diri di dalam bidang pengurusan. Setiap organisasi ini mempunyai tujuan dan kepentingan masing-masing. Di dalam Akta yang ada sekarang hanya 7 ahli daripada bidang swasta boleh diwakili. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi flexibility kepada Kementerian saya untuk melantik beberapa orang ahli lagi sekiranya keperluan ini timbul tanpa berkehendakkan satu lagi pindaan dikemukakan kepada Parlimen.

Dalam tahun 1972 Kerajaan telah meluluskan satu projek untuk menubuhkan sebuah sekolah latihan hotel ataupun restoran. Sekolah-sekolah ini telah diberi dua bidang tugas, iaitu:

- (i) mengadakan perkhidmatan latihan, khasnya kepada penyelia dan pengurus yang sedang berkhidmat. Latihan-latihan yang akan disediakan ialah bertujuan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan industri, perhotelan dan pelancungan pada amnya; dan
- (ii) menguruskan hotel yang akan didirikan itu sebagai sebuah perniagaan biasa dan meninggikan lagi perkembangan tenaga manusia di dalam industri ini.

Oleh sebab pada masa ini Akta ini tidak memberi kuasa kepada Majlis untuk mengambil bahagian di dalam perniagaan biasa, maka adalah perlu Akta ini dipinda supaya tidak ada keraguan di atas kuasa Majlis untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan atau yang terbit daripada pelaksanaan tugas-tugas.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada semakan yang dibuat ke atas Akta memperbadankan Daya Pengeluaran Negara tahun 1966, pindaan seperti dicatit di dalam Rang Undang-undang ini perlu diperbuat. Saya percaya dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang disyorkan ke atas Akta itu maka perjalanan Majlis Daya Pengeluaran Negara akan lebih licin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952" dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan terhadap Seksyen 28 (1) (i) adalah untuk membenarkan kawalan mengenai penjualan dan pengimpotan apa-apa dadah dan menubuhkan badan-badan atau pihak-berkuasa-pihak-berkuasa bagi maksud itu.

Seksyen yang ada sekarang ini adalah terhad kerana peraturan-peraturan hanya boleh dibuat mencegah penjualan iklan-iklan untuk jualan atau pengimpotan hanya bagi barang-barang makanan dan dadah yang tertentu sahaja. Pengimpotan dan penjualan racun dan dadah-dadah narkotik yang dijadualkan (Scheduled poisons narcotic drugs) adalah dikawal di bawah Poison Ordinance, 1951 dan Dangerous Drugs Ordinance, 1951. Oleh itu untuk membolehkan kawalan yang tegas dan rapi di atas penjualan dan pengimpotan untuk jualan bagi semua dadah selain dari racun dan dadah narkotik, Seksyen 28 (1) (i) adalah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 yang berbunyi:

“to prohibit the sale, advertisement for sale, or importation of specified articles of foods or drugs”

hendaklah dipinda dan digantikan dengan perenggan baru seperti berikut:

“(i) to prohibit or regulate the sale, advertisement for sale, or importation of any articles of food or drugs and for this purpose to establish any body or authority”

ini akan membolehkan Menteri Kesihatan membuat peraturan-peraturan untuk mengawal pengimpotan dan jualan semua jenis dadah-dadah.

Adalah dicadangkan bahawa dengan pindaan seksyen yang tersebut peraturan-peraturan akan dibuat bagi mengawal pengimpotan dan penjualan semua dadah-dadah dengan cara mendaftarkan dadah-dadah itu di bawah Lembaga Pendaftaran Dadah. Lembaga tersebut akan diberi perkhidmatannya (service) oleh National Pharmaceutical Control Laboratory yang akan ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan. Semua dadah yang diimpot dan dibuat dalam negeri ini akan diperiksa oleh National Pharmaceutical Control Laboratory untuk menentukan mustajabnya dadah-dadah itu dan juga bagi keselamatan nyawa sebelum pendaftaran itu dibuat oleh Lembaga Pendaftaran Dadah. Hanya dadah-dadah yang telah didaftarkan sahaja boleh diimpot atau dikeluarkan oleh

kilang-kilang tempatan untuk dijual. Pendek kata, dengan pindaan undang-undang ini, Kementerian Kesihatan akan mempunyai satu jentera pentadbiran yang berkesan untuk mencegah penjualan dadah-dadah yang kurang mutu (sub-standard) yang akan merosakkan kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) 1975 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 28 (1) (i) Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 sekarang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.25 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, since time is running short I will be very brief, only one point I would like to raise here.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi—pendek-pendek sudahlah!

Tuan Lim Cho Hock: I know a lot of schools and school canteens in our country sell chewing gum. Although it is a food that is not prohibited under this Ordinance, I would suggest to the Government that the selling of chewing gum in schools, particularly in the primary schools, should be banned because we have known from reports that a lot of people are choked to death by chewing gum, particularly in America when they play football or some other games, they just get choked to death by chewing gum. This I would say is quite dangerous to our school boys and school girls; they may also get choked to death. So, I would suggest that Government look into this matter.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak menjawab Yang Berhormat?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma untuk melihat benda itu sahaja.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENANGGUHAN

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN

(1) *Bas Siam Menjalankan Perusahaan di Malaysia.*

6.30 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have received a lot of complaints that a lot of Siamese buses come into West Malaysia to apply for business, as a result of which our local taxi and bus operators are adversely affected. These buses from Thailand usually take advantage of festive seasons in coming into Malaysia and pick up passengers within the boundaries of West Malaysia. These buses from Thailand normally operate from certain hotels, the hotels acting as the agents for these companies.

I understand that the buses from Thailand which come into Malaysia need not have to pay road tax to our Government. They need only to pay a small fee for an entry permit, whereas our Malaysian taxi and bus operators are required to pay high rates of road tax imposed by our Government. Therefore, under the circumstances, the operators of the Siamese buses are in a more advantageous position over our local operators. The cost of operating a Siamese bus is, therefore, much lower than that of a local

bus. As a result, the operators of the Siamese buses are able to draw away prospective passengers by charging them lower fares.

I, therefore, urge the Government to put a stop to this unfair competition from the operators of the Siamese buses. The Siamese buses should not be allowed to pick up passengers in our country. Of course, I have no objection to Siamese buses coming into Malaysia carrying tourists from Thailand only. When they return to Thailand they can pick up the same tourists but not otherwise. I hope, therefore, the Government will look into the matter as soon as possible.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menjawab ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengenai masalah kereta-kereta bas daripada jiran kita iaitu Thailand.

Sebenarnya Kerajaan memang sedar tentang kedudukan berkaitan dengan beberapa kereta-kereta bas Thai yang berulang-alik ke Semenanjung Malaysia. Duta Besar Thailand ke Malaysia dan juga Duta Besar Malaysia ke Thailand juga sedar mengenai perkara ini dan tindakan sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini dalam konteks kerjasama perhubungan erat di rantau ini.

Walau bagaimanapun ini bukan satu perkara yang baru muncul. Atas pengaduan-pengaduan yang diterima yang mengatakan bas-bas Negeri Thai yang datang ke Semenanjung Malaysia serta mengambil penumpang-penumpang tempatan, pihak Polis Jitra telah membuat pemerhatian terhadap perjalanan-perjalanan kenderaan Thai itu semasa memasuki Malaysia dalam tempoh dari 13-3-74 hingga 17-3-74 di Changloon, Jitra. Keterangan-keterangan kenderaan tersebut adalah seperti berikut:

Jumlah bilangan bas hanya 29 buah dan bilangan kereta-kereta lain 12 buah sahaja. Dari angka-angka yang terdapat ini nyatalah bilangan kereta-kereta itu tidaklah begitu banyak seperti barangkali yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh walaupun pergisiran memang telah ujud antara pengusaha pengangkutan kita dan pengusaha Thai.

Akibat tindakan yang diambil oleh pihak Polis Malaysia pada 25-1-74 di Jitra, Kedah, beberapa buah bas Negeri Thai dan teksi juga telah tidak dibenarkan masuk ke Malaysia. Pihak yang berkuasa Negeri Thai pun telah berasa dukacita tentang hal ini dan pengumuman yang luas telah disebarikan dalam suratkhbar keluaran Negeri Thai dan juga keluaran *New Straits Times* bertarikh 1hb November, 1974.

Setelah Yang Berhormat Menteri saya mengambil-alih tanggungjawab bagi pengangkutan, satu mesyuarat telah diadakan di Kementerian ini pada 26-11-74 yang mana dipengerisukan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian serta dihadiri oleh wakil-wakil dari Wisma Putra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Polis, Imigeresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Wakil dari Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah menyatakan bahawa ada beberapa penyelenggara Pelancung-pelancung Malaysia telah menyewa bas-bas Negeri Thai untuk membawa pelancung-pelancung Malaysia ke merata-rata tempat di Negeri Thai. Mereka juga menempah rumah-rumah tumpangan di Negeri Thai untuk pelancung-pelancung ini. Pihak organisasi pelancung ini telah melibatkan kewangan yang banyak dan sekiranya bas-bas Negeri Thai tidak dibenarkan membawa pelancung-pelancung Malaysia ke Negeri Thai, maka penyelenggara-penyelenggara pelancung Malaysia akan mengalami kerugian. Oleh itu sebagai langkah sementara di percutian sekolah dalam bulan Disember dan sebagai tanda muhibbah, mereka meminta kebenaran dari pihak Polis Di Raja Malaysia untuk membolehkan bas-bas Negeri Thai masuk ke Malaysia dengan membawa pelancung-pelancung ke Negeri Thai semasa percutian sekolah dalam bulan Disember yang tersebut.

Pihak Polis bersetuju melayani permohonan tersebut dengan syarat bas-bas itu hendaklah dilindungi dengan insuran. Pada 19hb Mac, 1975 Yang Berhormat Menteri saya telah membincangkan masalah ini dengan panjang lebar di Kementerian dengan Tuan Yang Terutama Duta Besar Thailand ke Malaysia.

Saya yakin sebagai hasil daripada perbincangan di antara kedua-dua buah Kerajaan, satu penyelesaian yang memberi

menafaat kepada kedua-dua negara dan yang tidak menjejaskan perusahaan pelancungan boleh dicapai dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham akan aduan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh iaitu berkenaan dengan persaingan yang tidak adil. Buat sementara perkara ini adalah dipandang dalam kontek perasaan muhibbah antara Malaysia dengan Thailand. Begitu juga kami tidak ingin mengambil tindakan yang terburu-buru, yang tidak bijak, yang mungkin merugikan kita dari segi perindustrian pelancungan kita. Perkara ini dianggap kompleks dari berbagai-bagai segi dan rundingan di antara kedua negara sedang terus dijalankan supaya masalah-masalah yang berkenaan dapat diselesaikan dengan sempurna. Tentang butir-butir halus peringkat rundingan itu dukacita saya tidak akan memberi pengumuman itu mungkin mengakibatkan prejudice ataupun merosakkan kepada kejayaan rundingan itu. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan iaitu Kementerian saya akan mengumumkan hasil-hasil lengkap daripada rundingan-rundingan itu sebaik sahaja ia dicapai nanti berkaitan dengan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu.

(2) *Perusahaan Filem Tempatan.*

6.41 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Ingeris.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sentiasa ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan yang selalunya diberi publisiti yang banyak tentang kemampuan Kerajaan membantu perusahaan-perusahaan, terutamanya perusahaan-perusahaan bumiputra, kami boleh menganggap bahawa Kerajaan akan membantu perusahaan-perusahaan filem bumiputra dengan bersungguh-sungguh, tetapi nampaknya ini tidak berlaku. Oleh kerana kelalaian Kerajaan perusahaan filem bumiputra di negara kita sedang mengalami prospek yang buruk dan oleh itu perusahaan mereka mungkin terpaksa ditutup.

(*Dengan izin*) We have a tremendous reservoir of local talents and artistes and technical expertise for a thriving local film

industry. Our Malay film industry has a long period of experience and tradition. What is needed is proper encouragement and sufficient financial assistance from the Government.

Our Malay film artistes and personnel have for decades been exploited by foreign-based film companies like Shaw Brothers and Cathay Organisation. Now that some of them are trying hard to stand on their own feet and free themselves from the foreign stranglehold, they deserve all the help they need, financial or otherwise.

But what does one see today? The Government continues to allow tourist and advertising film projects to be done by foreign studios rather than the local studios. Dubbing for overseas films are mostly done in Hongkong and Japan instead of in Malaysia. Why can't a reasonable percentage of the 700 to 800 films that need to be dubbed or sub-titled yearly be contracted to local film studios?

One very good example of local film companies in trouble is Sari Artis Filem Company in Petaling Jaya, which was opened by the Minister of Commerce and Industry some six months ago. According to its Chairman and Managing Director, Encik Yusoff Majid, the company has signed contracts with several companies for joint venture undertakings, but these contracts would have to be cancelled if the company does not get positive answers from statutory bodies like UDA and MARA for financial guarantees and assistance.

If local film companies like Sari Artis are allowed to close down, it would mean not only throwing a good number of Malaysians, particularly bumiputras, out of job, but also a negligence of local film talents and expertise. That would be a sad day for the local film industry. The late P. Ramlee, who had done so much for the local film industry, might well then be rolling in his grave.

I, therefore, call on the Government and its statutory bodies like UDA and MARA to come urgently to the aid of the local film industry, and give it the assistance, protection and encouragement that it so badly needs.

6.45 ptg.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab terhadap pandangan dan teguran-teguran

yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perindustrian perfileman tempatan, khususnya di atas penglibatan bumiputra di dalam bidang perindustrian perfileman. Jadi, sebelum saya menyambung ucapan saya, suka saya menyentuh tentang kenyataannya berkenaan dengan Syarikat Sari Artis dalam mana Ahli Yang Berhormat meminta bantuan diberi oleh Kerajaan menerusi UDA dan MARA supaya syarikat perfileman Melayu ini dapat bergerak dengan majunya. Saya suka menyatakan di sini bahawa Sari Artis bukan sahaja telah mendapat taraf perintis (pioneer status) untuk menjalankan kerja-kerja di studionya, malahan setakat yang diketahui oleh Kementerian ini, Sari Artis telah juga mendapat bantuan daripada UDA dari segi mendapatkan satu bangunan studio. Studio ini juga telah mendapat pinjaman daripada MARA untuk membeli alat-alat yang digunakan oleh studio ini di dalam kerja-kerja mengeluarkan, mendubbing dan mensub-titlakan filem-filem yang dikeluarkan di sini. Tetapi dalam pada itu Kerajaan menyedari masih ada lagi kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan filem tempatan dari segi berbagai aspek seperti pengeluaran (production), pertunjukkan (exhibition) dan pengedaran (distribution).

Kerajaan juga menyedari bahawa perindustrian perfileman adalah suatu bahagian perindustrian yang perlu diberi galakan supaya berkembang maju di dalam negara kita, kerana selama ini kita membelanjakan berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun dari segi "foreign exchange" mengimpot filem-filem dari luar negeri ataupun mendubbing, mensub-titlakan filem-filem untuk kegunaan di negara ini ditempat-tempat sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi sebagai Hong Kong. Dan sejumlah besar daripada filem-filem ini yang ditayangkan di dalam negara ini adalah datangnya ataupun telah diimpot daripada luar negeri. Oleh kerana filem adalah mempunyai pengaruh yang besar bagi pemikiran ramai rakyat yang menuntunnya, maka langkah-langkah perlu diambil oleh kita bagi menggalakkan perkembangan perindustrian perfileman tempatan, khususnya di bidang pengeluaran (production) supaya filem-filem yang dikeluarkan dan ditayang untuk ramai adalah sesuai dengan keperluan negara.

Di atas kesedaran ini, Kerajaan sekarang ini meletakkan perindustrian perfileman ini di bawah jagaan Kementerian yang tertentu iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, untuk mengendalikannya. Selain daripada itu, satu Pasukan Bertugas telah ditubuhkan oleh Kabinet bagi menyiasat dan melaporkan kedudukan perusahaan filem di negara ini dan membuat report ataupun perakuan-perakuan yang sesuai bagi mempergalakkan perkembangan yang pesat di dalam bidang perindustrian perfileman tempatan khususnya meliputi perindustrian perfileman yang diselenggarakan oleh syarikat bumiputra di dalam negara ini. Pasukan Bertugas ini telahpun menyediakan laporannya yang mengandungi beberapa syor untuk memajukan perusahaan-perusahaan filem tempatan. Langkah-langkah yang telah disyorkan di dalam laporan ini adalah bertujuan mewujudkan perlindungan dan kemudahan-kemudahan yang diharapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu:

1. Perlindungan dan bantuan Kerajaan kepada perusahaan filem tempatan.
2. Memberi kontrek-kontrek kepada syarikat-syarikat filem tempatan untuk membuat dubbing, sarikata dan filem-filem TV dan dokumentari.

3. Menggunakan bakat dan kemahiran tempatan.
4. Memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita.

Laporan ini sedang dikaji oleh pihak Perbendaharaan (Treasury) sebelum dikemukakan kepada Jumaah Menteri untuk keputusan. Oleh kerana laporan ini belum lagi diluluskan oleh Jumaah Menteri, maka saya tidak dapat lagi memberitahu Ahli Yang Berhormat tentang langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu perusahaan filem tempatan di persidangan Parlimen kali ini selaras dengan syor-syor yang dibuat oleh Pasukan Bertugas itu. Mungkin di persidangan akan datang perkara ini dapat diumumkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 4hb April,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.51 petang.